



Versi 1.1

RAHSIA FOREX DEBTFREEDOM©

www.DebtFreedomFx.com

Kata Pengantar

Terlebih dahulu pihak Team DebtFreedomFx.com mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda semua di atas pembelian e-book ”**RAHSIA FOREX DEBTFREEDOM©**”. **TAHNIAH DAN SYABAS** saya ucapkan kepada anda semua kerana telah mengambil langkah berani untuk mengubah kehidupan anda dengan berurusanniaga forex sebagai profession terbaru anda. Di dalam E-book ini nanti, anda akan diterangkan sejelasa-jelasnya berkenaan dengan maklumat *asas dan advance* berkenaan urusanniaga forex secara online yang akan dilakukan oleh anda semua. Di dalam E-book ini akan menyampaikan panduan bagaimana anda boleh menggunakan dan mengaplikasikan setiap indicator-indicator yang akan anda gunakan bersama-sama dengan teknik yang saya gunakan selama ini.

Anda semua dinasihati supaya mendapatkan E-book original ini secara sah dari Team DebtFreedomFx.com kerana hanya pelajar-pelajar berdaftar dengan Team DebtFreedomFx.com sahaja layak untuk memperolehi pakej seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

- **E-BOOK RAHSIA FOREX DEBTFREEDOM**
- **KELAYAKAN MENERIMA 15% AFFILIATE KOMISION**
- **KELAYAKAN MENGGUNAKAN FORUM DEBTFREEFOREX.COM TANPA HAD**
- **PEMBERIAN SIGNAL FORUM TANPA HAD MELALUI FORUM**
- **ANALISISA TEKNIKAL DAN FUNDAMENTAL DARI MASA KE SEMASA DI DALAM FORUM**
- **KELAYAKAN MENERIMA APA-APA SAJA E-BOOK KELUARAN TERBARU DARI TEAM DEBTFREEDOMFX.COM**
- **DOWNLOAD INDICATOR, TEMPLATES, E-BOOK TAMBAHAN DAN SEBAGAINYA DARI DEBTFREEFOREX.COM TANPA HAD**
- **BANTUAN TEKNIKAL 24 JAM TANPA HAD**

Sekiranya anda membeli atau mendapatkannya dari pihak lain bukan melalui saluran yang sah dari web www.debtfreedomfx.com maka pihak Team DebtFreedomFx.com berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas penerima E-Book ini. Maka dengan secara automatiknya anda **TIDAK LAYAK MENERIMA PAKEJ SEPERTI DI ATAS.**

Semoga E-Book ini dapat memberikan manfaat kepada anda semua bagi memudahkan anda menjalani urusanniaga forex tanpa menghadapi permasalahan walaupun anda merupakan JUNIOR TRADERS di dalam dunia forex.

Selamat Maju Jaya.
Ikhlas dari,

DEBTFREEDOM

Team DebtFreedomFx.com™

URL: www.debtfreedomfx.com

E-mel: kelas_forex@yahoo.com

PERHATIAN!

E-book ini dilindungi di bawah akta Hakcipta Terpelihara ©.

www.debtfreedomfx.com

&

www.debtfreeforex.com/forum

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com.

Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam e-book ini. Pihak Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan ataupun maklumat yang tidak dimasukkan walaupun langkah berjaga-jaga sudah diambil. Pihak Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang maklumat yang disalahgunakan.

Penerbitan e-book ini mengandungi pandangan dan cadangan Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com. Ia bertujuan membantu dan menyediakan maklumat berkenaan perkara yang dibincangkan.

E-book ini diniagakan dengan memahami Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com dan pihak kami tidak terlibat dengan khidmat profesional oleh pihak luar yang terkandung di dalam E-book ini.

Pihak Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kerugian, kehilangan atau risiko yang ditanggung oleh orang perseorangan atau sebagainya, yang timbul akibat daripada penggunaan mana-mana kandungan buku ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Bagi memudahkan pemahaman mengenai penerangan di dalam E-book ini, adalah di cadangkan anda mempunyai sedikit pengetahuan asas untuk beberapa perkara berikut. Pra syarat ini bukanlah satu kemestian, ia hanya membantu memudahkan pemahaman penerangan di dalam E-book ini.

Sekiranya anda tiada dalam pra syarat ini, anda juga mampu untuk memahaminya kerana kami cuba untuk memberikan penerangan yang ringkas dan sejelas mungkin.

- ⌚ Pernah melayari Internet
- ⌚ Pernah menggunakan e-mel
- ⌚ Pernah menggunakan platform forex
- ⌚ Pernah membuat 'cut' dan 'paste' teks atau fail di dalam dokumen.
- ⌚ Pernah menggunakan, membaca, mendengar mengenai bahasa forex yang asas.
- ⌚ Pernah memasang (install) perisian-perisian asas di dalam komputer.
- ⌚ Pernah menggunakan electronic payment processor seperti E-Gold, Stormpay, Paypal dan sebagainya.

Pastikan anda membaca dan memahami setiap bab yang diajarkan di dalam E-book ini bagi memudahkan anda membuat urusan forex. Jangan sesekali terus membuat pelaburan secara Real (Live) selagi anda tidak memahirkan diri dengan teknik-teknik yang diajarkan sekurang-kurangnya 2 – 3 minggu dengan menggunakan platform pelaburan Maya (Virtual) terlebih dahulu.

Nota: 'Link' laman web yang terdapat di dalam E-book ini boleh berfungsi jika anda klik pada link tersebut dengan syarat anda sedang dalam capaian Internet.

E-BOOK INI TIADA HAK JUALAN SEMULA

- **TIDAK BOLEH** menjual atau diedar semula.
- **TIDAK BOLEH** memberikan sebagai bonus kepada prospek atau sesiapa jua melainkan melalui program affiliate di bawah website www.debtfreedomfx.com sahaja.
- **TIDAK BOLEH** membuat lelongan di mana-mana laman web atau pusat lelongan.
- Lain-lain larangan yang dicatatkan dalam bahagian E-book ini.

Sebarang permohonan hendaklah mendapat keizinan bertulis dari pihak Team DebtFreedomFx.com dan DebtFreeForex.com.

**Jualan Dan Edaran:
TEAM DEBTFREEDOMFX.COM™**

Cadangan

Sekiranya anda mempunyai cadangan atau maklumat tambahan untuk e-book ini, kami amat mengalu-alukannya. Sila e-melkan cadangan anda kepada kelas forex@yahoo.com. Cadangan dan maklumat tambahan anda akan kami gunakan untuk menambahbaikkan lagi maklumat di dalam e-book ini ataupun menghasilkan e-book yang baru. Sekiranya cadangan anda terpilih, kami bersedia menghadihkan sebarang e-book terpilih kepada anda secara PERCUMA. Anda juga berpeluang meletakkan iklan perniagaan anda di dalam e-book kami nanti. Berikan cadangan anda sekarang.

Emel: kelas_forex@yahoo.com

HAKCIPTA TERPELIHARA © 2006 Team DebtFreedomFx.com™
Malaysia

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	8
1.1	APA ITU PERDAGANGAN FOREX?	8
1.2	BAGAIMANA PERDAGANGAN FOREX DIJALANKAN MELALUI INTERNET?	9
1.3	BAGAIMANA SESEORANG PEDAGANG FOREX MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN BERIBU RINGGIT DALAM MASA BEBERAPA JAM SAHAJA MELALUI INTERNET	9
1.4	APA ITU PIP?	10
1.5	APA ITU LEVERAGE?	10
1.6	APA ITU CONTRACT SIZE?	10
1.7	APA ITU LOT?	10
2.0	INDIKATOR TEKNIKAL	12
3.0	STOCHASTIC OSCILLATOR	13
3.1	SETTING	14
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	14
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	16
4.0	RELATIVE STRENGTH INDEX (RSI)	17
3.1	SETTING	18
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	19
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	21
5.0	PARABOLIC SAR	23
3.1	SETTING	24
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	24
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	26
6.0	WEIGHTED MOVING AVERAGE – WMA	28
3.1	SETTING	29
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	31
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	33
7.0	BOLLINGER BANDS	35
3.1	SETTING	35
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	36
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	39
8.0	VEGAS CURRENCY DAILY	41
3.1	SETTING	42
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	43
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	49
9.0	ZIGZAG	50
3.1	SETTING	50
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	51
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	53

10.0	MOVING AVERAGE CONVERGENCE DIVERGENCE (MACD)	55
3.1	SETTING	56
3.2	KAEDAH PENGGUNAAN	57
3.3	PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL	59
11.0	KOMBINASI PENGGUNAAN SISTEM	61
12.0	PENGURUSAN RISIKO	62
12.1	MEMASANG STOP LOSS	62
12.2	MEMASANG EXIT TARGET	63
12.3	EMOSI	64
12.4	NAFSU	64
12.5	TEKANAN	65
12.6	FAKTOR LUARAN	66
12.7	MELABUR MENGIKUT KEMAMPUAN	66
13.0	AKHIR KATA	70

BAB 1 PENGENALAN

1.1 APA ITU PERDAGANGAN FOREX?

FOREX (Foreign Exchange) atau yang lebih dikenal dengan Valuta Asing (Bursa Valas) merupakan suatu jenis perdagangan/transaksi yang memperdagangkan matawang suatu negara terhadap matawang negara lainnya yang melibatkan pasaran matawang utama di dunia selama 24 jam secara berterusan (lihat trading hours).

Pergerakan pasaran Forex dibuka dengan pasaran New Zealand & Australia yang bermula pada pukul 05.00–14.00 WIB, terus ke pasar Asia iaitu Jepun, Singapura & Hongkong yang bermula pada pukul 07.00–16.00 WIB, kemudian diikuti dengan pasaran Eropah iaitu Jerman & UK yang bermula pada pukul 13.00–22.00 WIB, disusuli dengan pasaran Amerika yang berlangsung pada pukul 20.30–10.30 WIB. Dalam perkembangan sejarahnya, bank central yang dimiliki oleh negara-negara matawang asing yang terbesar sekalipun dapat dikalahkan oleh kekuatan pasar forex yang bebas.

Menurut survey BIS (Bank International for Settlement – bank central dunia), yang dilakukan pada akhir tahun 2004, nilai transaksi pasar forex mencapai lebih dari USD\$1.4 Trillion sehari. Dengan demikian, prospek pelaburan angan forex adalah sangat bagus.

Berdasarkan kepada kecairan dan keaktifan pergerakan harga yang tinggi tersebut, FOREX juga telah menjadi alternatif yang paling popular karena ROI (Return On Investment atau kembalinya nilai pelaburan yang telah kita tanam) serta profit yang akan diperolehi melebihi dari nilai perdagangan pada umumnya (secara purata return berkisar lebih dari 5% - 10% sebulan, malah boleh mencapai lebih dari 100% sebulannya untuk professional trader). Akibat pergerakan yang cepat tersebut, maka FOREX juga berisiko tinggi apabila anda tidak mempunyai pengetahuan yang cukup serta pengaturan dan pengurusan kewangan dengan baik dan bijak.

Matawang yang banyak diperdagangkan adalah Dollar Amerika, Poundsterling, Euro, Yen, Franc Swiss, Dollar Australia, Dollar Canada, dan Dollar New Zealand.

Simbol Mata Wang	Keterangan
EUR / USD	Euro terhadap US Dollar
GBP / USD	Poundsterling terhadap US Dollar
USD / JPY	US Dollar terhadap Yen
USD / CHF	US Dollar terhadap Franc Swiss
USD / CAD	US Dollar terhadap Dollar Kanada
AUD / USD	Australia Dollar terhadap US Dollar
NZD / USD	New Zealand Dollar terhadap US Dollar

1.2 BAGAIMANA PERDAGANGAN FOREX DIJALANKAN MELALUI INTERNET?

Untuk berdagang Forex melalui internet, anda perlu mendaftar dengan sesebuah syarikat sebagai Broker di Amerika melalui internet. Kemudian anda akan muat-turun perisian perdagangan Forex ke dalam komputer anda yang dibekalkan oleh Broker tersebut.

Melalui perisian tersebutlah anda akan melakukan penjualan dan pembelian beberapa pasangan gandingan matawang asing. Segala proses penjualan dan pembelian gandingan matawang asing berpandukan carta di dalam perisian tersebut.

Sebagai contoh katakan anda memilih gandingan matawang Euro dan USD iaitu EUR/USD. Jika pasaran matawang EUR/USD sedang menurun berpandukan carta tersebut, anda akan melakukan penjualan. Untuk melakukan penjualan anda hanya mengklik pada nilai harga dalam bahagian BID. Jika pasaran melalui carta tersebut semakin menurun, anda akan mendapat keuntungan semakin banyak.

Jika pasaran matawang EUR/USD sedang meningkat berpandukan carta tersebut, anda akan melakukan pembelian pula. Untuk melakukan pembelian anda hanya mengklik pada nilai harga dalam bahagian OFFER. Jika pasaran melalui carta tersebut semakin meningkat, semakin banyak anda akan memperolehi keuntungan.

Ini bermakna walaupun pasaran sesuatu gandingan matawang meningkat atau menurun, anda masih memperolehi keuntungan. Ini tidak seperti pasaran saham, yang mana anda akan memperolehi keuntungan semasa pasaran meningkat sahaja.

1.3 BAGAIMANA SESEORANG PEDAGANG FOREX MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN BERIBU RINGGIT DALAM MASA BEBERAPA JAM SAHAJA MELALUI INTERNET

Keuntungan di dalam perdagangan Forex berdasarkan perubahan angka yang terakhir sekali pada nilai sesuatu gandingan matawang. Pergerakan angka tersebut di panggil PIP. Sebagai contoh katakan anda ingin berdagang matawang EUR/USD. Harga jualan ialah 1.2035. Katakan harga tersebut meningkat kepada 1.2065 dalam masa 30 minit. Maka anda akan mendapat keuntungan sebanyak 30 PIP atau point. Satu PIP anda boleh mendapat keuntungan sebanyak US\$10 bergantung kepada modal yang dilaburkan. Oleh itu jika anda memperolehi keuntungan sebanyak 30 PIP, ini bermakna anda telah memperolehi keuntungan sebanyak US\$300 dalam masa 30 minit. Jika ditukar dengan matawang Ringgit, anda akan mendapat keuntungan lebih kurang RM1,200 dalam masa 30 minit sahaja.

1.4 APA ITU PIP?

PIP ada bermakna point. Istilah PIP ini seringkali digunapakai oleh trader semasa berurusanniaga. Bagaimana pip atau point ini dikira atau ditentukan. Katakan kamu berurusanniaga pada matawang GBP/USD pada bukaan harga 1.8750 dan berlaku kenaikan sehingga harga terakhir 1.8800. Ini bermakna pair matawang GBP/USD itu tadi telah naik sebanyak 50 points atau pip.

1.5 APA ITU LEVERAGE?

Leverage adalah membawa maksud “margin jaminan”. Sebagai contoh sekiranya kamu mempunyai modal permulaan di dalam pasaran forex atau saham sebanyak 100usd. Maka sekiranya satu leverage dikenakan adalah 1:100 itu bermakna kamu diberi hak oleh sesuatu platform forex untuk melakukan pembelian 100 x ganda lebih besar dari dana atau modal yang kamu miliki. Ini bermakna dengan nilai modal 100usd kamu boleh diberikan dana untuk membeli matawang bernilai 10,000usd. Secara tidak langsung dengan modal pelaburan yang terbatas ini kamu boleh melalukan transaksi pada volume dagangan yang lebih besar.

Setiap platform forex menawarkan leveragenya yang tersendiri. Dalam hal ini leverage yang lebih besar boleh memberikan keuntungan atau kerugian yang lebih besar. Begitu juga sebaliknya dengan menawarkan leverage yang kecil maka kerugian dan keuntungan adalah pada nilai yang lebih kecil. Di sini saya tunjukkan kepada kamu contoh leverage:-

Leverage	1:100
Modal	100usd
Pelaburan dibenarkan	100usd x 100 = 10,000usd

1.6 APA ITU CONTRACT SIZE?

“**Contract size**” adalah merupakan faktor pengali dalam perhitungan profit dan loss. Nilainya telah ditetapkan oleh sesebuah negara itu sendiri iaitu pada nialaian 10,000.

1.7 APA ITU LOT?

“**Lot**” merupakan satu kontrak pada setiap transaksi yang ingin kamu lakukan. sekiranya saya hendak melakukan transaksi pada sesuatu matawang terhadap matawang yang lain, misalnya membeli (buy) EURO terhadap USD maka nilai satu bukaan transaksi dinyatakan dalam bentuk lot. Setiap platform forex mempunyai nilai pengiraan lot yang berbeza. Ada nilai bukaan lotnya besar dan ada yang kecil. Bagaimana hendak menggira keuntungan akau kerugian dari satu nilai lot yang telah diniagakan. Sebagai contoh saya terangkan di bawah:-

Penggiraan keuntungan:

Katakan saya melakukan urusniaga pada matawang EUR/USD,
Nilai BUY pada harga 1.2000
Leverage 1:100
Contract size, 10,000
Lot yang dibuka bernilai 100usd
Harga tutup transaksi pada price 1.2050

Penggiraannya untung adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah untung} &= \frac{(1.2050 - 1.2000) \times 100\text{usd} \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}} \\ &= \frac{50 \times 10,000}{10,000} \\ &= 50\text{usd} \text{ keuntungan}\end{aligned}$$

Penggiraan kerugian:

Katakan saya melakukan urusniaga pada matawang EUR/USD,
Nilai SELL pada harga 1.2050
Leverage 1:100
Contract size, 10,000
Lot yang dibuka bernilai 100usd
Harga tutup transaksi pada price 1.2100

Penggiraannya untung adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah kerugian} &= \frac{(1.2050 - 1.2100) \times 100\text{usd} \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}} \\ &= \frac{-50 \times 10,000}{10,000} \\ &= -50\text{usd} \text{ kerugian}\end{aligned}$$

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=20.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 2 INDIKATOR TEKNIKAL

Di dalam e-book ini saya akan membicarakan beberapa indikator teknikal yang digunakan di dalam system yang saya perkenalkan. Indikator teknikal yang saya maksudkan adalah seperti di bawah:-

- **Stochastic Oscillator**
- **Relative Strength Index (RSI)**
- **Parabolic SAR**
- **Weighted Moving Average (WMA)**
- **Bollinger Bands**
- **Vegas Currency Daily**
- **Zigzag**
- **Moving Average Convergence Divergence (MACD)**

Saya tidak akan menyentuh secara detail seperti hal berkaitan sejarah dan makna setiap indikator di dalam e-book ini kerana nota-nota terperinci berkenaan dengan indicator saya bekalkan bersama-sama di dalam program ini nanti. Kamu semua boleh download dari program pada bila-bila masa diperlukan. Saya akan menitik beratkan kaedah untuk penggunaan system yang saya gunakan sahaja.

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=21.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 3 STOCHASTIC OSCILLATOR

Merupakan suatu alatan yang telah dihasilkan oleh George C Lane pada akhir 50-an. Indicator ini digunakan untuk tujuan menentukan keadaan pasaran pada harga terakhir sebelum berlakunya perubahan trend berdasarkan pada masa-masa yang tertentu. Indicator ini juga digunakan untuk mengetahui kekuatan relative harga pasaran terakhir terhadap sesuatu masa.

Secara matematik Stochastic Oscillator didefinisikan sebagai:

$$\%K = \left(\frac{\text{Recent Close} - \text{Lowest Low}}{\text{Highest High} - \text{Lowest Low}} \right) \times 100$$

pada period tertentu.

- Recent close = harga penutupan terakhir
- Lowest Low = harga terendah selama period yang ditentukan
- Highest high = harga tertinggi selama period yang ditentukan



Keadaan dan rupabentuk Stochastic Oscillator

Untuk maklumat tambahan berkenaan Stochastic Oscillator kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=22.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

3.1 SETTING

Untuk memperolehi graf indicator seperti atas kamu perlu melakukan beberapa langkah untuk tujuan setting pada indicator kamu. Kamu boleh mengikuti kaedah setting ini:-

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **OSCILLATORS** kemudian **STOCHATIC OSCILLATOR** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- %K period = 5
- %D period = 3
- Slowing = 3
- Price Field = Close/Close
- MA Method = Linear Weighted
- Fixed Minimum = 0
- Fixed Maximum = 100

Langkah 3

Klik pada **COLORS** dan kamu ikut setting berikut:

- Main = Light Sea Green
- Signal = Red

Langkah 4

Klik pada **LEVELS** dan kamu ikut setting berikut:

- Level = 30
- Level = 70
- Level = 50
- Style = Silver

Langkah 5

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

3.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Bagaimana kaedah penggunaan **STOCHATIC OSCILLATOR**? Sebenarnya kaedah penggunaannya tidaklah terlalu sukar kerana dari kaedah ini kamu boleh mengetahui keadaan pasaran pada waktu itu samada telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**.

Untuk mengetahui sesuatu pasaran telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD** tidak berapa sukar. Dengan adanya **STOCHATIC OSCILLATOR** kamu boleh menentukannya. Apabila sesuatu **STOCHATIC OSCILLATOR** telah menghampiri atau melepasi garisan 70 maka trend pasaran pada waktu itu boleh dikatakan sebagai **OVERBOUGHT** dan apabila ia menghampiri atau melepasi line 30 maka trend boleh dianggap sebagai **OVERSOLD**.

Untuk memastikan kamu tidak tersalah langkah atau pertimbangan semasa untuk membuka sebarang position samada **BUY** atau **SELL**, kamu dinasihati supaya memastikan criteria ini dipatuhi bagi mengelakkan sebarang kemungkinan.

- OPEN BUY POSITION**
- Pastikan Stochastic Oscillator jejak permukaan lantai dalam erti kata lain pastikan stoch sampai pada garisan 0.
 - Pastikan stoch bersilang dari garisan 0 baru kamu masuk atau buka position **BUY (LONG)** pada pair yang kamu kehendaki.
 - Close position kamu setelah stoch tadi naik sehingga garisan 100 atau menjejaki atap.
 - Sekiranya stoch yang naik tadi tidak sampai pada garisan 100 dan berlaku persilangan stoch pada garisan di bawah 100 saya nasihatkan kamu terus mengambil keuntungan pada waktu itu juga tanpa mengganggu stoch menghampiri garisan 100 kerana dikhuatiri berlaku perubahan trend mendadak. Sila rujuk graf di bawah.

- OPEN SELL POSITION**
- Pastikan Stochastic Oscillator jejak permukaan siling atau atap dalam erti kata lain pastikan stoch sampai pada garisan 100.
 - Pastikan stoch bersilang dari garisan 100 baru kamu masuk position **SELL (SHORT)** pada pair yang kamu kehendaki.
 - Close position kamu setelah stoch tadi turun sehingga garisan 0 atau menjejaki lantai.
 - Sekiranya stoch yang turun tadi tidak sampai pada garisan 0 dan berlaku persilangan stoch pada garisan di atas garisan 0 saya nasihatkan kamu terus mengambil keuntungan pada waktu itu juga tanpa mengganggu stoch menghampiri garisan 0 kerana dikhuatiri berlaku perubahan trend mendadak. Sila rujuk graf di bawah.

Melalui kaedah ini, kamu boleh aplikasikan pada semua **TIMEFRAME** yang kamu kehendaki akan tetapi timeframe **paling ideal ada pada H1, H4, D1, W1 dan MN.**

3.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL



Untuk mengelakkan dari berlaku kesilapan semasa memasuki position, di sini saya ingin memberikan beberapa petua berkaitan stochastic oscillator yang perlu kamu semua patuhi:-

- Seelok-eloknya kamu memasuki position **LONG** atau **SHORT** apabila stochastic benar-benar telah bersilang di antara satu sama lain.
- Pastikan kamu memasuki position pada peringkat stochastic jejak lantai (menghampiri garisan 0) atau jejak siling (menghampiri garisan 100) sahaja.
- Elakkan dari memasuki position **LONG** atau **SHORT** apabila stochastic telah melepasi garisan 50 tidak kira samada stoch berkenaan masih menurun atau menaik. Dikhuatiri akan berlaku perubahan trend mendadak.
- Pastikan kamu meninjau pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.
- Pastikan kamu mengambil keuntungan (profit) apabila berlaku bersilang stochastic berikutnya tidak kira samada stochastic berkenaan menghampiri garisan 100 atau 0. Ini kerana bagi mengelakkan dari berlakunya **FALSE SIGNAL** pada pertengahan trend seperti gambarajah di atas di mana berlakunya perubahan trend pada pertengahan stochastic.
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.

BAB 4 RELATIVE STRENGTH INDEX (RSI)

Diperkenalkan pertama kali oleh J. Welles Wilder pada tahun 1978 pada bukunya *New Concepts in Technical Trading Systems*. Nilai dari Rsi berada pada kitaran 0-100. Oleh yang demikian ada di antara trader mengkategorikan ianya sebagai oscillator kerana prinsip oscillator adalah berkitaran (turun dan naik dari atas ke bawah). RSI sendiri merupakan indikator yang membandingkan momentum harga yakni antara nilai pada saat ini terhadap daya tarik losses yang terjadi.

Secara matematikanya RSI boleh dituliskan sebagai berikut:

$$RSI = 100 - \frac{100}{1 + RS}$$

dengan RS adalah : $RS = \frac{AG}{AL}$

RS = Relative Strength, merupakan ratio antara dua buah XMA yang dikecilkan
 AG = Average Price Gain pada selang masa yang ditentukan. Ianya diperoleh dari total gain dibahagikan dengan selang masa yang dipakai.
 AL = Average Price Loss pada selang masa yang ditentukan. Ianya diperoleh dari total loss dibahagikan dengan selang masa yang dipakai.



Gambarajah di atas menunjukkan bagaimana rupa bentuk RSI ini.

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=23.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

4.1 SETTING

Untuk setting pada indicator RSI ini kamu perlu setkan kepada 2 jenis setting iaitu RSI14 dan RSI3. Untuk memperolehi graf indicator seperti atas kamu perlu melakukan beberapa langkah untuk tujuan setting pada indicator kamu. Kamu boleh mengikuti kaedah setting ini:-

i.) RSI 14

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **OSCILLATORS** kemudian **RSI** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 14
- Apply to = Close
- Style = DodgerBlue
- Fixed Minimum = 0
- Fixed Maximum = 100

Langkah 3

Klik pada **LEVELS** dan kamu ikut setting berikut:

- Level = 30
- Level = 70
- Level = 50
- Style = Silver

Langkah 4

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

ii.) RSI 3

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **OSCILLATORS** kemudian **RSI** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 3
- Apply to = Close
- Style = DodgerBlue
- Fixed Minimum = 0
- Fixed Maximum = 100

Langkah 3

Klik pada **LEVELS** dan kamu ikut setting berikut:

- Level = 20
- Level = 80
- Level = 50
- Style = Silver

Langkah 4

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

4.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Melalui indicator **RSI14 dan RSI3** yang telah disetkan ini dapat membantu kamu untuk mengenalpasti keadaan pasaran samada telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**. Akan tetapi kamu perlu berhati-hati dengan menjadikan kedua-dua RSI sebagai panduan kerana kedua-dua indicator RSI ini perlu berada dalam keadaan yang sama bagi membolehkan kamu untuk menentukan keadaan pasaran telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**.

Bagaimana kamu hendak mengetahui keadaan pasaran telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**? Lihat gambarajah di bawah ini:-



OPEN SELL POSITION

- Pastikan **RSI14** menjejaki atau melepasi line **70** ke atas (sebaik-baiknya pada point **70 – 75**) dan **RSI3** melepasi line **80** ke atas (sebaik-baiknya pada point **90 – 95**).
- Keadaan kedua-dua RSI14 dan RSI3 ini mestilah berada pada **tahap selari** di antara satu sama lain pada tahap **maksimum** seperti yang dinyatakan di atas.
- Sila lihat pada gambarajah di atas sebagai panduan dan rujukan.
- Sekiranya salah satu RSI menghampiri overbought kamu perlu tunggu RSI berikutnya menghampiri overbought dalam erti kata lain **kedua-dua RSI ini seiring dan sekata**.
- Untuk memaksimumkan profit setelah kamu membuka position SELL kamu boleh menunggu sehingga salah satu RSI samada RSI3 atau RSI14 menjejaki destinasiya terlebih dahulu. Saya syorkan kamu **mengambil profit apabila RSI3 menghampiri oversold** kerana factor RSI3 tempoh masanya adalah lebih laju pergerakannya dari RSI14.

OPEN BUY POSITION

- Pastikan **RSI14** menjejaki atau melepasi line **30** ke bawah (sebaik-baiknya pada point **30 – 25**) dan **RSI3** melepasi line **20** ke bawah (sebaik-baiknya pada point **10 – 5**).
- Keadaan kedua-dua RSI14 dan RSI3 ini mestilah berada pada **tahap selari** di antara satu sama lain pada tahap **minimum** seperti yang dinyatakan di atas.
- Sila lihat pada gambarajah di atas sebagai panduan dan rujukan.
- Sekiranya salah satu RSI menghampiri oversold kamu perlu tunggu RSI berikutnya menghampiri oversold dalam erti kata lain **kedua-dua RSI ini seiring dan sekata**.
- Untuk memaksimumkan profit setelah kamu membuka position LONG kamu boleh menunggu sehingga salah satu RSI samada RSI3 atau RSI14 menjejaki destinasiya terlebih dahulu. Saya syorkan kamu **mengambil profit apabila RSI3 menghampiri overbought** kerana factor RSI3 tempoh masanya adalah lebih laju pergerakannya dari RSI14.

Melalui kaedah ini, kamu boleh aplikasikan pada semua **TIMEFRAME** yang kamu kehendaki akan tetapi timeframe **paling ideal ada pada H1, H4, D1, W1 dan MN.**

4.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL



Untuk mengelakkan dari berlaku kesilapan semasa memasuki position, di sini saya ingin memberikan beberapa petua dan teknik berkaitan RSI14 dan RSI3 yang perlu kamu semua patuhi:-

- Pastikan kamu memasuki position **LONG** atau **SHORT** apabila kedua-dua RSI telah menghampiri destinasi masing-masing dalam keadaan selari dan seiring seperti mana dinyatakan di atas.
- Sekiranya kamu memasuki **LONG** position ikut petua di bawah ini:-
 - RSI14 - Pastikan RSI 14 menjejaki atau melepasi line 30 dan ke bawah seelok-eloknya pada point 25 – 30. DAN
 - RSI3 - Pastikan RSI3 menjejaki atau melepasi line 20 dan ke bawah seelok-eloknya pada point 5 – 10.
- Sekiranya kamu memasuki **SHORT** position ikut petua di bawah ini:-
 - RSI14 - Pastikan RSI 14 menjejaki atau melepasi line 70 dan ke atas seelok-eloknya pada point 70 – 75. DAN
 - RSI3 - Pastikan RSI3 menjejaki atau melepasi line 80 dan ke atas seelok-eloknya pada point 90 – 95.
- Elakkan dari memasuki position **LONG** atau **SHORT** apabila kedua-dua RSI ini tidak menjejaki destinasi masing-masing dan tidak selari kedudukannya seperti ditunjukkan pada gambarajah di atas kerana dikhuatiri akan berlaku perubahan trend mendadak.

- Pastikan kamu merujuk pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.
- **TIMEFRAME** terbaik boleh dijadikan sebagai rujukan adalah pada **MN, W1, D1, H4 dan H1**
- Pastikan kamu mengambil keuntungan (profit) apabila salah satu RSI telah menghampiri destinasi. Di sini saya syorkan kamu mengambil profit apabila RSI3 menghampiri overbought atau oversold kerana factor selang masa yang lebih laju dari RSI14.
- Bagi mengelakkan dari berlakunya **FALSE SIGNAL** pada pertengahan trend seperti gambarajah di atas di mana berlakunya perubahan trend pada pertengahan kedua-dua RSI maka saya syorkan kamu menunggu kedua-dua RSI ini menghampiri pada kedua-dua destinasi seperti mana diterangkan di atas.
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.

BAB 5 PARABOLIC SAR

Secara teknikalnya, **Parabolic SAR** (SAR - stop and reverse) ini adalah merupakan teknik yang telah diilhamkan oleh J. Welles Wilder, Jr, untuk mengenalpasti trend di dalam harga pasaran. Ia boleh digunakan untuk tujuan *trailing stop loss* berdasarkan kepada harga pasaran yang mendiami di dalam kelekukan parabolic semasa berlakunya perubahan trend yang kuat.

Secara amnya parabolic ini boleh ditentukan trendnya. Apabila sesebuah parabolic berada di bawah nilai jualan adalah dikatakan sebagai bullish trend (trend menaik), manakala sekiranya parabolic berada di atas nilai jualan maka trend di istilah sebagai bearish trend (trend menurun).



Gambarajah di atas menunjukkan bagaimana rupa bentuk Parabolic SAR ini.

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=24.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

5.1 SETTING

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **TREND** kemudian **PARABOLIC SAR** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Step = 0.02
- Maximum = 0.2
- Style = Red


Langkah 3

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

5.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Dengan menggunakan **PARABOLIC SAR** kamu boleh menjadikan ianya sebagai panduan untuk menentukan kekuatan permulaan aliran trend mengikut titik-titik yang dihasilkan oleh **PARABOLIC SAR**. Bagaimanakah caranya menggunakan teknik melalui indicator unik ini? Saya akan terangkan seperti gambarajah di bawah:-



OPEN SELL POSITION

- Pastikan kamu membuka position **SELL** setelah ada satu titik permulaan bearish pada **PARABOLIC SAR** seperti gambarajah di atas.
- Untuk memaksimakan keuntungan dengan menggunakan indicator ini kamu boleh melakukan pengiraan pada setiap titik **PARABOLIC SAR**.
- Pastikan kamu mengambil profit setelah ada 3 – 5 titik **PARABOLIC SAR** kerana apabila wujud 1 titik permulaan penurunan sehingga ke titik No. 4, trend bearish ini akan menghasilkan suatu momentum ledakan yang kuat untuk turun secara maksimum di perantaraan titik ini.
- Oleh itu ambil profit kamu pada titik perantaraan 3 – 5 kerana ada kemungkinan akan berlaku reversal trend secara mendadak.

OPEN BUY POSITION

- Pastikan kamu membuka position **BUY** setelah ada satu titik permulaan bullish pada **PARABOLIC SAR** seperti gambarajah di atas.
- Untuk memaksimakan keuntungan dengan menggunakan indicator ini kamu boleh melakukan pengiraan pada setiap titik **PARABOLIC SAR**.
- Pastikan kamu mengambil profit setelah ada 3 – 5 titik **PARABOLIC SAR** kerana apabila wujud 1 titik permulaan menaik sehingga ke titik No. 4, trend bullish ini akan menghasilkan suatu momentum ledakan yang kuat untuk naik secara maksimum di perantaraan titik ini.
- Oleh itu ambil profit kamu pada titik perantaraan 3 – 5 kerana ada kemungkinan akan berlaku reversal trend secara mendadak.

5.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL



Untuk mengelakkan dari berlaku kesilapan semasa memasuki position, di sini saya ingin memberikan beberapa petua dan teknik berkaitan dengan penggunaan **PARABOLIC SAR** yang perlu kamu semua patuhi kerana indicator ini tidak sesuai hanya digunakan sendirian tanpa bantuan dan penambahan dengan indicator-indicator lain kerana indicator **PARABOLIC SAR** ini kerap kali memberikan **FALSE SIGNAL** setelah terhasilnya titik permulaan perubahan trend. Di bawah ini saya senaraikan apakah kebaikan, keburukan dan kaedah terbaik untuk memaksimumkan penggunaan teknik ini:-

- Masuk position **SELL** atau **BUY** setelah ada titik permulaan pada **PARABOLIC SAR**.
- Mengambil profit pada titik ke 3 – 5 bagi mengelakkan sebarang permasalahan perubahan trend di saat-saat akhir.
- Jangan sesekali memasuki position di pertengahan **PARABOLIC SAR** ini terbentuk kerana pada peringkat ini ada kemungkinan berlaku perubahan trend secara mendadak.
- Jangan sesekali bergantung harap pada **PARABOLIC SAR** semata-mata dengan tidak mengambil kira indicator lain.
- **PARABOLIC SAR** ini hendaklah digunakan sebagai panduan sahaja untuk mengukur kekuatan trend samada naik atau turun.
- Pastikan kamu menggunakan indicator **PARABOLIC SAR** ini sekurang-kurangnya ditambahkan dengan indicator **RSI** atau **STOCHASTIC**.
- Pastikan kamu merujuk pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.

- **TIMEFRAME** terbaik boleh dijadikan sebagai rujukan adalah pada **MN, W1, D1, H4 dan H1**
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.


BAB 6 WEIGHTED MOVING AVERAGE – WMA

Suatu WMA adalah nilai kepurataan didarabkan dengan factor-faktor pemberat yang berbeza kepada titik-titik data berbeza. Akan tetapi secara analisis teknikal WMA mempunyai maksud yang tersendiri di mana pemberat mengalami penyusutan secara aritmatik. Pada suatu n -day WMA pada pemberat n terkini dan nilai pemberat kedua terkini adalah $n-1$ dan seterusnya sehingga ia mencapai nilai sifar.

$$WMA = \frac{np_1 + (n - 1)p_2 + \dots + 2p_{n-1} + p_n}{n + (n - 1) + \dots + 2 + 1}$$

Apabila mengira WMA yang bersilang pada nilai secara berturutan, ia boleh dijadikan sebagai suatu nilai amaun p_2 kepada $p_n + 1$ dengan mengeluarkan pengatas harian. WMA boleh dikira bermula dengan formula di atas tetapi langkah berturutan dengan penambahan dan penolakan, adalah bukan satu set penuh pendaraban,

$$\begin{aligned} Total_{today} &= Total_{yesterday} + p_1 - p_{n+1} \\ Numerator_{today} &= Numerator_{yesterday} + np_1 - Total_{yesterday} \\ WMA_{today} &= \frac{Numerator_{today}}{n + (n - 1) + \dots + 2 + 1} \end{aligned}$$



pemberat WMA N=15

Penyebut, adalah segitiga berjumlah, dan sama dengan $\frac{n(n + 1)}{2}$

Gambarajah yang ditunjukkan di atas menunjukkan bagaimana pemberat berkurangan, daripada berat tertinggi untuk hari-hari tertentu, turun sehingga nilai sifar. Ia boleh dibandingkan dengan pemberat EMA seperti yang akan dibincangkan nanti.

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=25.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.



Gambarajah di atas menunjukkan bagaimana rupa bentuk WMA.

6.1 SETTING

Untuk setting pada indicator WMA ini kamu perlu setkan kepada 3 jenis setting iaitu WMA5, WMA20 dan WMA100. Untuk memperolehi graf indicator seperti atas kamu perlu melakukan beberapa langkah untuk tujuan setting pada indicator kamu. Kamu boleh mengikuti kaedah setting ini:-

i.) WMA5

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **TREND** kemudian **MOVING AVERAGE** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 5
- Shift = 0
- MA Method = Linear Weighted
- Apply to = Close
- Style = Red

Langkah 3

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

ii.) WMA20

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **TREND** kemudian **MOVING AVERAGE** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 20
- Shift = 0
- MA Method = Linear Weighted
- Apply to = Close
- Style = Yellow

Langkah 3

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

iii.) WMA100

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **TREND** kemudian **MOVING AVERAGE** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 100
- Shift = 0
- MA Method = Linear Weighted
- Apply to = Close
- Style = White

Langkah 3

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

6.2 KAEDAH PENGGUNAAN

WMA 5, 20 dan 100 merupakan salah satu cara dan teknik yg dapat membantu para pelabur untuk memasuki sesuatu pasaran samada SELL atau BUY. Bagaimana WMA ini dapat membantu para pelabur? Saya akan terangkan di dalam bab ini bagi membantu kamu semua menggunakan WMA ini sebagai salah satu indicator sesama kamu berurusanniaga. Walaubagaimanapun WMA ini juga mempunyai kelemahannya yang tersendiri kerana ianya boleh menjana banyak **FALSE SIGNAL** sekiranya kamu salah membuat tafsiran dan hanya berlandaskan kepada WMA semata-mata. WMA ini tidak sesuai digunakan secara bersendirian. Ianya perlu digabungkan dengan indicator-indicator yang lain seperti mana telah saya ceritakan di awal bab. Bagaimanakah caranya menggunakan indicator ini? Saya akan terangkan seperti gambarajah di bawah:-



OPEN SELL POSITION

- Pastikan kamu membuka position **SELL** setelah **WMA 20 (kuning) bersilang dengan WMA 5 (merah)** seperti mana ditunjukkan di dalam gambarajah di atas.


- Sekiranya **WMA 20 (kuning) & WMA 5 (merah)** tadi telah bersilang dan menghampiri pada **WMA 100** untuk persilangan seterusnya maka kamu boleh **HOLD** position **SELL** kamu tadi kerana apabila **WMA 20 (kuning) & WMA 5 (merah) bersilang pada WMA 100 (putih)** maka nilai atau kadar penurunan (**Bearish**) akan meningkat dan bertambah dari sediada.
- Melalui kaedah **WMA** ini kamu agak sukar untuk menentukan atau memperolehi keuntungan pip secara maksimum melainkan kamu merujuk pada indicator yang lain sebagai sokongan untuk kamu menutup position **SELL** tadi.
- Walaubagaimanapun sekiranya kamu telah memasuki **SELL** position ketika **WMA 20 (kuning)** tadi bersilang dengan **WMA 5 (merah)** maka kamu boleh **menutup position kamu setelah berlaku persilangan berikutnya**. Ini bermakna apabila **WMA 5 (merah)** pula **bersilang** dengan **WMA 20 (kuning)** maka kamu perlu **CLOSED position SELL** tadi.

OPEN BUY POSITION

- Pastikan kamu membuka position **BUY** setelah **WMA 5 (merah) bersilang dengan WMA 20 (kuning)** seperti mana ditunjukkan di dalam gambarajah di atas.
- Sekiranya **WMA 5 (merah) & WMA 20 (kuning)** tadi telah bersilang dan menghampiri pada **WMA 100 (putih)** untuk persilangan seterusnya maka kamu boleh **HOLD** position **BUY** tadi kerana apabila **WMA 5 (merah) & WMA 20 (kuning) bersilang pada WMA 100 (putih)** maka nilai atau kadar kenaikan (**Bullish**) akan meningkat dan bertambah dari sediada.
- Melalui kaedah **WMA** ini kamu agak sukar untuk menentukan atau memperolehi keuntungan pip secara maksimum melainkan kamu merujuk pada indicator yang lain sebagai sokongan untuk kamu menutup position **BUY** tadi.

- Walaubagaimanapun sekiranya kamu telah memasuki **BUY** position ketika **WMA 5 (merah)** tadi bersilang dengan **WMA 20 (kuning)** maka kamu boleh **menutup position kamu setelah berlaku persilangan berikutnya**. Ini bermakna apabila **WMA 20 (kuning)** pula **bersilang** dengan **WMA 5 (merah)** maka kamu perlu **CLOSED position BUY** tadi.

6.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL




Dengan hanya bersandarkan kepada **WMA 5, WMA 20 dan WMA 100** adalah tidak sesuai sama sekali. Ini kerana **WMA 5, WMA 20 dan WMA 100** tidak konsisten dari segi trendnya. Banyak **FALSE SIGNAL** mudah terbentuk melalui indicator ini. Lebih-lebih lagi apabila kamu merujuk pada **TIMEFRAME** yang kecil seperti **M1, M5, M15 & M30**. Perlu ada penambahan indicator-indicator lain sebagai **FILTER** atau **PENAPIS** bagi mengelakkan perkara ini dari berlaku. Di bawah ini saya senaraikan apakah kebaikan, keburukan dan kaedah terbaik untuk memaksimumkan penggunaan teknik ini:-

- Masuk position **SELL** atau **BUY** setelah **WMA 5, WMA 20 bersilang** dan kamu boleh **kekalkan kedudukan SELL atau BUY** sekiranya **WMA 5 & WMA 20 bersilang pada garisan WMA 100**.
- Mengambil profit setelah berlaku persilangan berikutnya. Sebagai contohnya katakan kamu masuk **SELL** position setelah **WMA 20 (kuning) bersilang dengan WMA 5 (merah)** maka kamu perlu **TUTUP atau CLOSED** position **SELL** tadi setelah berlaku persilangan berikutnya tidak kira walau apa pun terjadi pada untung rugi yang kamu hadapi. Begitulah sebaliknya pada **BUY** position.
- Jangan sesekali memasuki position **SELL atau BUY** di pertengahan **WMA 5, WMA 20 & WMA 100** kerana pada peringkat ini ada kemungkinan berlaku perubahan trend secara mendadak.
- Jangan sesekali bergantung harap pada **WMA 5, WMA 20 & WMA 100** semata-mata dengan tidak mengambil kira indicator lain.
- Pastikan kamu menggunakan indicator **WMA 5, WMA 20 & WMA 100** ini sekurang-kurangnya ditambahkan dengan indicator **RSI** atau **STOCHATIC**.
- Pastikan kamu merujuk pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.
- **TIMEFRAME** terbaik boleh dijadikan sebagai rujukan adalah pada **W1, D1, H4 dan H1**
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.

BAB 7 BOLLINGER BANDS

Diciptakan oleh John Bollinger pada awal 1980 an untuk membantu membandingkan nilai dan harga relatif dalam sesuatu masa. Bollinger bands terdiri daripada tiga buah garis yang membentuk alunan terhadap pergerakan harga seperti ditunjukkan di dalam gambarajah di bawah. Garisan tengah pada Bollinger Bands adalah merupakan garisan moving average yang biasa digunakan. Dengan adanya Bollinger Bands, ianya sedikit sebanyak membantu para pelabur untuk melihat dan menilai keadaan arah pasaran sesuatu matawang. Perhatikan gambar berikut :



7.1 SETTING

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **TREND** kemudian **BOLLINGER BANDS** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **PARAMETERS** dan kamu ikut setting berikut:

- Period = 20
- Shift = 0
- Deviation = 2
- Apply To = Weighted Close
- Style = White

Langkah 3

Klik pada **LEVELS** dan kamu ikut setting berikut:

- Style = Silver


Langkah 4

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

7.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Memang tidak dapat dinafikan setiap indicator yang dihasilkan sememangnya ada tujuan dan berpotensi untuk memberikan pertunjuk kepada para pelabur di dalam membantu mereka untuk membuat keputusan yang bijak dan tidak menjerat mereka. Begitu juga dengan fungsi kerja yang ditunjukkan oleh Bollinger Bands ini. Ia juga merupakan salah satu cara dan teknik yg dapat membantu para pelabur untuk memasuki sesuatu pasaran samada SELL atau BUY. Bagaimana Bollinger Bands ini dapat membantu para pelabur? Saya akan terangkan di dalam bab ini bagi membantu kamu semua menggunakan Bollinger Bands ini sebagai salah satu indicator sesama kamu berurusniaga. Walaubagaimanapun Bollinger Bands ini juga mempunyai kelemahan kerana sekiranya pergerakan matawang itu agak perlahan maka agak sukar untuk menentukan corak sebenar yang diarahkan oleh Bollinger Bands. Ini sedikit sebanyak boleh mengelirukan para pelabur kerana **FALSE SIGNAL** yang dihasilkan ini. Oleh yang demikian Bollinger Bands ini tidak juga sesuai digunakan secara sendirian dan ianya perlu digabungkan dengan indicator lain yang telah diterangkan bagi memberikan ketepatan pada analisa kamu semua. Bagaimanakah caranya menggunakan indicator ini? Saya akan terangkan seperti gambarajah di bawah:-




OPEN SELL POSITION



- Untuk memastikan kamu membuka position SELL dengan betul, pastikan kamu perhatikan betul-betul pada setiap garisan Bollinger Bands.
- Sekiranya **Candlestick Bullish menjejaki garisan atas (UPPER BAND)** seperti gambarajah dan berlaku **reversal pada candlestick berikutnya** maka kamu boleh buka position **SELL pada waktu candlestick bearish itu terbentuk.**
- Begitu juga pada garisan pertengahan (**MIDDLE BAND**), sekiranya **candlestick bullish terhasil dan menjejaki garisan pertengahan Bollinger Bands** maka kamu boleh standby untuk buka **SELL position** dengan syarat **berlaku reversal pada candlestick berikutnya dari bullish kepada bearish** maka akan berlaku penurunan.
- Melalui kaedah **Bollinger Bands** ini kamu agak sukar untuk menentukan atau memperolehi keuntungan pip secara maksimum melainkan kamu merujuk pada indicator yang lain sebagai sokongan untuk kamu menutup position **SELL** tadi.
- Walaubagaimanapun sekiranya kamu telah memasuki **SELL position** sewaktu candlestick menjejaki garisan atas atau pertengahan maka kamu boleh **menutup position SELL setelah candlestick berikutnya menjejaki garisan pertengahan (bagi yang membuka SELL pada garisan atas) atau bawah (bagi yang membuka SELL pada garisan pertengahan).**
- Sekiranya kamu membuka **SELL position pada garisan atas (UPPER BAND)** dan berlaku **penurunan melepasi garisan pertengahan (MIDDLE BAND)** maka kamu boleh **hold position kerana ada kemungkinan akan berlaku pergerakan penurunan lebih drastic** akan berlaku. Maka kamu akan memperolehi keuntungan yang cukup besar dan lumayan pada waktu itu.

OPEN BUY POSITION



- Untuk memastikan kamu membuka position BUY dengan betul, pastikan kamu perhatikan betul-betul pada setiap garisan Bollinger Bands.
- Sekiranya **Candlestick Bearish menjejaki garisan bawah (LOWER BAND)** seperti gambarajah dan **berlaku rebound pada candlestick berikutnya** maka kamu boleh buka position **BUY pada waktu candlestick bullish itu terbentuk.**
- Begitu juga pada garisan pertengahan (**MIDDLE BAND**), sekiranya **candlestick bullish terhasil dan menjejaki garisan pertengahan Bollinger Bands** maka kamu boleh standby untuk buka **BUY position** dengan syarat **berlaku rebound pada candlestick berikutnya dari bearish kepada bullish.**
- Melalui kaedah **Bollinger Bands** ini kamu agak sukar untuk menentukan atau memperolehi keuntungan pip secara maksimum melainkan kamu merujuk pada indicator yang lain sebagai sokongan untuk kamu menutup position **BUY** tadi.
- Walaubagaimanapun sekiranya kamu telah memasuki **BUY position** sewaktu candlestick menjejaki garisan bawah atau pertengahan maka kamu boleh **menutup position BUY setelah candlestick berikutnya menjejaki garisan pertengahan (bagi yang membuka BUY pada garisan bawah) atau atas (bagi yang membuka BUY pada garisan pertengahan).**
- Sekiranya kamu membuka **BUY position pada garisan atas (LOWER BAND)** dan berlaku **kenaikan melepasi garisan pertengahan (MIDDLE BAND)** maka kamu boleh **hold position** kerana ada kemungkinan akan berlaku pergerakan menaik lebih drastic akan berlaku. Maka kamu akan memperolehi keuntungan yang cukup besar dan lumayan pada waktu itu.

7.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL




Bollinger Bands ini ada kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Walaubagaimanapun Bollinger Bands ini perlu juga ditambah dengan indicator-indicator lain bagi memberikan ketepatan pada urusanniaga kamu. Apa yang menjadi permasalahan pada Bollinger Bands ini adalah pada ketiadaannya 'BOLLINGER SQUEEZE' di mana candlestick ini akan hanya tertumpu pada satu tempat sahaja seperti ditunjukkan dalam gambarajah di atas. Pada waktu sedemikian, matawang berkenaan berpotensi untuk **BREAKOUT** samada naik mendadak atau turun mendadak. Seperti mana kamu lihat pada gambarajah berlaku penurunan mendadak selepas candlestick bearish melepasi garisan bawah (**LOWER BAND**). Maka kamu boleh dikirakan sebagai beruntung kerana mendapat laba yang cukup besar di atas pergerakan mendadak ini. Bagi mengelakkan sebarang permasalahan kamu dinasihati menggunakan Bollinger Bands ini pada **TIMEFRAME** yang lebih besar seperti H1, H4, D1, W1 dan MN. Di bawah ini saya senaraikan apakah kebaikan, keburukan dan kaedah terbaik untuk memaksimumkan penggunaan teknik ini:-

- Masuk position **SELL** setelah berlaku **reversal** pada candlestick pada **UPPER BAND**.
- Masuk **BUY** setelah berlaku **rebound** pada candlestick pada **LOWER BAND**.
- Kekalkan kedudukan **SELL** atau **BUY** sekiranya candlestick melepasi **MIDDLE BAND**.

- **Mengambil profit** setelah kamu merasakan **SELL** atau **BUY** position kamu telah menjejaki **MIDDLE BAND** bagi keadaan di mana kamu membuka position **SELL** pada **UPPER BAND** atau **BUY** pada **LOWER BAND**.
- Jangan sesekali memasuki position **SELL** atau **BUY** di pertengahan pasaran kerana pada peringkat ini ada kemungkinan berlaku perubahan trend secara mendadak.
- Jangan sesekali bergantung harap pada **Bollinger Bands** semata-mata dengan tidak mengambil kira indicator lain.
- Pastikan kamu merujuk pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.
- **TIMEFRAME** terbaik boleh dijadikan sebagai rujukan adalah pada **W1, D1, H4 dan H1**
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.
- Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengenalan Forex kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=26.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 8 VEGAS CURRENCY DAILY

Vegas Currency Daily adalah merupakan salah satu indicator yang amat menarik kerana ianya dapat membantu kamu bagaimana memperoleh laba keuntungan yang besar melalui aplikasi yang ditawarkan di dalam indicator ini. Indicator ini amat menarik sekali kerana ianya membolehkan kamu mengenalpasti keadaan pasaran dengan jelas dan mudah. Kamu tidak perlu lagi melakukan *scalping* atau *day-trading* kerana melalui kaedah ini kamu dapat mengenalpasti keadaan pasaran tanpa memeningkan kepala. Saya akui bahawasanya kaedah ini memang menarik dan amat berkesan untuk mereka yang inginkan atau mempunyai keinginan untuk memperoleh jumlah point atau pip yang besar. Melalui kaedah ini tidak mustahil kamu boleh memperoleh **100 – 300 pip** setiap kali kamu membuka position sehinggalah kamu menutup position kamu tidak kira sama ada BUY atau SELL. Hanya yang penting kamu memahami kaedah dan asas penggunaan teknik ini. Kaedah ini amat sesuai diaplikasikan pada **timeframe DAILY** oleh sebab itu nama indicator ini diberikan nama **Vegas Currency Daily**. Saya akan menerangkan seberapa baik yang mungkin untuk kegunaan kamu semua. Untuk memastikan kamu memahami teknik dan indicator ini saya ada menyediakan e-book asal berkenaan penggunaan **Vegas Currency Daily** ini di dalam forum seperti link berikut (http://debtfreeforex.com/Indicator_and_files/VEGAS.doc) untuk rujukan dan bacaan kamu semua. Di bawah ini ada menunjukkan rupa bentuk indicator **Vegas Currency Daily**.



8.1 SETTING

Langkah 1

Sila download aplikasi indicator **VEGAS CUNRRENCY DAILY** melalui link berikut (<http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=48.msg174#msg174>) dan sila ikut arahan yang terkandung di dalam link berkenaan.

Langkah 2

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **CUSTOM** kemudian **VEGAS CUNRRENCY DAILY** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 3

Klik pada **COMMON** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALLOW EXTERNAL EXPERTS IMPORTS**

Langkah 4

Klik pada **INPUTS** dan kamu ikut setting berikut:

- Alerts = True
- Risk Model = 1
- MA1 = 24
- MA2 = 28

Langkah 5

Klik pada **COLORS** dan kamu ikut setting berikut:

- 0 = Green
- 1 = Blue
- 2 = Red
- 3 = Red
- 4 = Red
- 5 = Red
- 6 = Red
- 7 = Red

Langkah 6

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

8.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Kaedah penggunaan untuk teknik ini tidaklah berapa susah. Kamu dinasihati supaya membaca dan memahami langkah kaedah penggunaan teknik ini yang akan diterangkan. Pasti kamu mengikut segala teknik dan langkah yang dinyatakan. Saya yakin sekiranya kamu memahami dan memasuki position dengan jelas seperti diterangkan sudah pasti kamu akan memperolehi keuntungan seperti mana kamu kehendaki. Hanya tahap kesabaran dan disiplin kamu diperlukan apabila kamu menggunakan teknik ini. Untuk memastikan kelancaran penggunaan indicator ini saya menasihati kamu supaya menggunakannya di platform META4 sahaja kerana scripts atucara penggunaan indicator ini hanya bersesuaian digunakan pada platform META4 sahaja. Oleh yang demikian sekiranya kamu tidak mempunyai META4 berkemungkinan besar kamu tidak boleh menggunakannya. Kamu boleh download META4 di laman web seperti berikut www.interbankfx.com atau www.metatrader4.com bagi tujuan ini. Di dalam forum www.debtfreeforex.com/forum juga ada menerangkan bagaimana kamu boleh download dan install aplikasi META4 ini di link berikut (sila klik pada link berikut <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=102.msg345#msg345>). Gambarajah di bawah ada menerangkan serba sedikit maklumat berkenaan bagaimana indicator ini digunakan.



Langkah 1

Pilih timeframe **DAILY** bagi tujuan ini dan pastikan kamu memilih graf jenis **CANDLESTICK** seperti gambarajah di atas. Kamu boleh gunakan aplikasi ini pada semua jenis currency pair bagi tujuan ini.

Langkah 2

Kamu dikehendaki memastikan **24 EMA [exponential moving average]** dan **28 EMA** terbentuk seperti gambarajah di awal penerangan. **Pembentukan 24 EMA dan 28 EMA ini dipanggil DAILY TUNNEL.**

Langkah 3

Kamu boleh mengubah model-model seperti di bawah ini mengikut kesesuaian currency pair kerana setiap currency pair mempunyai setting model # yang berbeza.

Model #1 = 89, 144, 233

Model #2 = 144, 233, 377

Model #3 = 233, 377, 610

Model #4 = 377, 610, 987

Berikut adalah kesesuaian penggunaan currency pair berdasarkan kepada penggunaan model-model # pada carta kamu pada timeframe **DAILY**

- EUR/USD - **Model # 1 DAN Model #2.** Pilih model #1 terlebih dahulu dan kemudian pilih model #2. Kamu akan dapat melihat model #1 dan model #2 akan bertindih di antara satu sama lain. Pastikan kamu dapat dan memperolehi 4 garisan fibo pada setiap arahan selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperolehi secara keseluruhannya **8 garisan fibo iaitu 89, 144, 233 dan 377 dari DAILY TUNNEL.**
- GBP/USD - **Model # 1 DAN Model #3.** Pilih model #1 terlebih dahulu dan kemudian pilih model #3. Kamu akan dapat melihat model #1 dan model #3 akan bertindih di antara satu sama lain. Pastikan kamu dapat dan memperolehi 5 garisan fibo pada setiap arahan selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperolehi secara keseluruhannya **10 garisan fibo iaitu 89, 144, 233, 377 dan 610 dari DAILY TUNNEL.**
- USD/CHF - Pilih model # 2. Pastikan kamu dapat dan memperolehi 3 garisan fibo pada setiap arahan selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperolehi secara keseluruhannya 6 garisan fibo iaitu 144, 233 dan 377 dari **DAILY TUNNEL.**
- USD/JPY - Pilih model # 1. Pastikan kamu dapat dan memperolehi 3 garisan fibo pada setiap arahan selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperolehi secara keseluruhannya 6 garisan fibo iaitu 89, 144 dan 233 dari **DAILY TUNNEL.**
- AUD/USD - Pilih model # 1. Pastikan kamu dapat dan memperolehi 3 garisan fibo pada setiap arahan selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperolehi secara keseluruhannya 6 garisan fibo iaitu 89, 144 dan 233 dari **DAILY TUNNEL.**

- USD/CAD - Pilih model # 2. Pastikan kamu dapat dan memperoleh 3 garis fibo pada setiap arah selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperoleh secara keseluruhannya 6 garis fibo iaitu 144, 233 dan 377 dari **DAILY TUNNEL**.
- EUR/JPY - Pilih model # 2. Pastikan kamu dapat dan memperoleh 3 garis fibo pada setiap arah selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperoleh secara keseluruhannya 6 garis fibo iaitu 144, 233 dan 377 dari **DAILY TUNNEL**.
- EUR/GBP - Pilih model # 1. Pastikan kamu dapat dan memperoleh 3 garis fibo pada setiap arah selepas dan sebelum **DAILY TUNNEL**. Oleh yang demikian kamu akan memperoleh secara keseluruhannya 6 garis fibo iaitu 89, 144 dan 233 dari **DAILY TUNNEL**.

Langkah 4

Untuk memudahkan kamu memasuki position sama ada BUY atau SELL kamu perlu memberikan sedikit perhatian kepada susunan garis fibo pada currency pair. Di bawah ada menunjukkan kepada kamu keadaan yang terbaik untuk kamu boleh buka BUY atau SELL position apabila candlestick menghampiri dan menjejaki garis fibo ini mengikut kesesuaian currency pair seperti berikut:-

- EUR/USD - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+3 atau F-3 (233 point) atau lebih tinggi.**
- GBP/USD - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+3 atau F-3 (233 point) atau lebih tinggi.**
- USD/CHF - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+2 atau F-2 (233 point) atau lebih tinggi.**
- USD/JPY - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+2 atau F-2 (144 point) atau lebih tinggi.**
- AUD/USD - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+2 atau F-2 (144 point) atau lebih tinggi.**
- USD/CAD - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+2 atau F-2 (233 point) atau lebih tinggi.**
- EUR/JPY - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garis fibo F+2 atau F-2 (233 point) atau lebih tinggi.**

EUR/GBP - Apabila candlestick bullish atau bearish menghampiri atau menjejaki garisan fibo F+1 atau F-1 (89 point) atau lebih tinggi.


Apabila garisan fibo ini dijejaki atau dihampiri untuk currency pair yang kamu pilih maka kamu perlu memberikan sedikit perhatian pada rupa bentuk candlestick kerana ia memberikan indikasi untuk kamu memasuki position sama ada **SELL** atau **BUY**. Sila berikan perhatian kepada jenis-jenis candlestick ini apabila garisan fibo ini dijejaki atau dihampiri iaitu:-

- **Reversals**
- **Spinning Tops**
- **Hammer**
- **Hanging man**
- **Inverted Hammer**
- **Shooting Star**

Bagaimana kita boleh mengenali rupa bentuk candlestick ini? Di dalam forum www.debtfreeforex.com/forum ada menyediakan sebuah e-book khas berkenaan dengan rupa bentuk candlestick ini. Oleh yang demikian kamu dikehendaki download e-book ini sebagai bahan rujukan dan bacaan untuk mengenali pasti keadaan-keadaan seperti dinyatakan di atas. Saya tidak akan membincangkan secara terperinci berkenaan perkara ini dan kamu dikehendaki membaca dan merujuk pada e-book yang telah disediakan dengan klik pada link berikut (http://debtfreeforex.com/Indicator_and_files/Japanese_Candlestick.pdf) untuk download e-book berkenaan. Di dalam forum juga ada menyediakan bantuan dan ruangan khas untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan candlestick di mana kamu boleh klik pada link ini untuk terus melayari ruangan perbincangan berkenaan perkara tersebut. Kamu juga boleh mendapatkan bahan bacaan berkenaan perkara ini di laman web ini <http://www.stockcharts.com/education/ChartAnalysis/candlesticks.html>

Langkah 5

Saya meminta kamu memberikan sedikit perhatian pada langkah ini kerana ia akan membantu kamu untuk memahami penggunaan indicator ini. Baca dengan teliti dan fahami dengan jelas apa yang hendak disampaikan pada ruangan ini. Sekiranya kamu tidak memahami langkah ini boleh menyebabkan kamu menghadapi permasalahan dengan urusan kamu kelak. Oleh yang demikian perhatian dan tumpuan kamu amat diperlukan. Sila rujuk gambarajah dibawah sebagai panduan untuk kamu memahami penerangan ini.



- a) Lihat pada dot berwarna kuning. Apabila dot ini berada di atas garisan **DAILY TUNNEL** maka boleh dikira sebagai sesuai untuk memasuki **SELL** position dan apabila dot kuning berada di bawah garisan **DAILY TUNNEL** maka boleh dikira sebagai sesuai untuk memasuki **BUY** position. Kamu perlu mengingati perkara asas ini kerana tidak semestinya apabila sesuatu candlestick menjejaki garisan fibo vegas bermakna kamu boleh membuka position bertentangan. Kamu perlu mendisiplinkan diri untuk bersabar dengan menunggu sehingga pasaran telah sesuatu trend itu telah tamat dengan sendirinya sebelum kamu memasuki sesuatu position.
- b) Lihat pada dot pertama pada tarikh **12 December 2005** seperti gambarajah di atas. Apabila berlaku perubahan pada candlestick setelah menjejaki line fibo **F+3 (233)** maka kamu boleh membuka **SELL** position pada price **1.2070** dan kamu dikehendaki meletakkan **stop loss pada price tertinggi** yang terhasil iaitu pada price **1.2080** bagi tujuan mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku perubahan trend.
- c) Apabila kamu telah memasuki position dan telah meletakkan stop loss, kamu dikehendaki **meletakkan sasaran untuk mengambil keuntungan** pada peratusan sebanyak **50%** sahaja dari titik price tertinggi dengan titik pertengahan pada **DAILY TUNNEL**. Apabila telah menjejaki **50%** keuntungan yang diperolehi kamu boleh close position atau mengubah kedudukan stop loss pada price **50%** yang kamu telah capai.

- d) Bagaimana hendak membuat pengiraan berdasarkan kepada perkara ini. Saya akan tunjukkan seperti berikut. Andaikan kamu memasuki **SELL EUR/USD pada price 1.2070 pada line fibo F+3**. Oleh yang demikian, price pada titik pertengahan pada **DAILY TUNNEL** yang akan dijejaki adalah pada price $12070 - 233 = 11837$ atau bersamaan dengan price **1.1837**. Akan tetapi kamu dikehendaki meletakkan sasaran pada keuntungan **50%** sahaja. Oleh yang demikian target kamu terletak pada price berikut $12070 - (233 \times 50\%) = 119535$ atau bersamaan dengan price **1.1954**. Itulah price keuntungan **50%** sasaran yang perlu kamu sasarankan. Sekiranya price berkenaan dilepasi. Maka kamu boleh **ubah stop loss kamu pada price 1.1954**. Sekiranya berlaku kenaikan maka kamu masih lagi memperolehi 50% sasaran keuntungan.
- e) Sekiranya kamu telah membuka **SELL** position pada **EUR/USD** seperti gambarajah di atas dan berlaku kenaikan **melempi dan lebih tinggi dari line F+3** maka boleh diandaikan bahawa pasaran pada waktu itu sedang mengalami **fasa menaik yang amat kuat**. Oleh yang demikian kamu boleh biarkan samada position yang kamu buka itu tadi mencapai pada stop loss atau kamu boleh **close position** itu dengan sendirinya dan kamu boleh mengulangi aturan ini sekali lagi dengan menunggu pasaran benar-benar telah berhenti dengan sendirinya.
- f) Kamu juga boleh memasuki position pada pertengahan garisan **DAILY TUNNEL** kerana ada ketikanya sesuatu currency pair itu mengalami perubahan pada pertengahan garisan **DAILY TUNNEL** seperti yang berlaku pada **titik berwarna pink** pada gambarajah di atas. Tetapi saya menasihati kamu supaya menunggu pada line fibo yang telah ditetapkan pada setiap currency pair di awal penerangan bagi mengelakkan kesilapan.

8.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL

Melalui kaedah **Vegas Currency Daily** ini kamu dapat melihat dengan jelas arah tujuan sesuatu trend dengan lebih mudah. Akan tetapi, penggunaan kaedah ini tanpa ilmu yang cukup boleh menyebabkan kamu tidak sabar untuk membuat penilaian. Ini disebabkan oleh disiplin dan tahap kesabaran kamu untuk menunggu gagal dipatuhi. Apa yang penting di sini kamu perlu mengikut garis panduan seperti mana yang telah diterangkan di atas bagi mengelakkan sebarang kemungkinan. Kaedah atau teknik **Vegas Currency Daily** ini juga mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Oleh itu kamu perlu ada sedikit kepekaan dan penelitian untuk menggunakan indicator ini. Berikut adalah perhatian yang perlu diambil oleh kamu untuk dijadikan panduan tambahan:-

- Masuk position **SELL** atau **BUY** setelah **mencapai tahap pada garisan fibo** yang telah ditetapkan seperti penerangan di atas untuk setiap currency pair.
- **Melihat dan memahami sifat-sifat** yang ditunjukkan oleh **candlestick apabila menjejaki atau menghampiri garisan fibo tertinggi** pada currency pair yang ingin kamu masuki.
- Letakkan **sasaran 50% pengambilan keuntungan** pada setiap currency pair setelah memasuki position.
- Gunakan **TIMEFRAME DAILY** untuk memasuki position pada setiap currency pair kerana kaedah ini hanya sesuai digunakan pada timeframe berkenaan sahaja.
- Jangan sesekali mengambil keputusan terlalu awal untuk memasuki position setelah melihat sesuatu currency pair itu menjejaki atau menghampiri garisan fibo tertinggi kerana **tidak semestinya apabila candlestick menjejaki atau menghampiri garisan berkenaan kamu boleh memasuki position**. Kamu perlu bersabar dan menanamkan disiplin supaya memasuki position setelah trend bearish atau bullish benar-benar telah tamat dengan melihat keadaan pada candlestick seperti mana yang diterangkan di atas.
- Jangan sesekali bergantung harap pada **Vegas Currency Daily** semata-mata dengan tidak mengambil kira indicator lain.
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.
- Untuk maklumat tambahan berkenaan Vegas Currency Daily kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=27.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 9 ZIGZAG

Zigzag adalah merupakan salah satu indicator yang amat baik untuk digunakan kerana ianya dapat **menentukan price terendah dan tertinggi** yang akan dihasilkan oleh sesuatu currency pair. Indicator ini boleh membantu kamu untuk mengenalpasti keadaan pasaran terendah dan tertinggi yang akan dicapai sekiranya kamu mengaplikasikan penggunaannya bersama-sama dengan **Fibonacci Retracement** kerana kamu boleh menentukan hala tuju price dengan lebih mudah dan jelas pada setiap garisan fibo. Walaubagaimanapun di dalam bab ini saya tidak akan menyentuh penggunaan **Fibonacci Retracement** kerana saya ingin menerangkan sejelas yang mungkin penggunaan indicator **Zigzag**. Di dalam forum juga ada menerangkan penggunaan indicator ini. Kamu boleh klik pada link ini (<http://debtfreeforex.com/forum/index.php?board=28.0>) untuk membaca dan memahami asas penggunaan teknik ini. Gambarajah di bawah menunjukkan rupa bentuk carta apabila diaplikasikan dengan penggunaan indicator **Zigzag**.



9.1 SETTING

Langkah 1

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **CUSTOM** kemudian **ZIGZAG** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 2

Klik pada **COMMON** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALLOW EXTERNAL EXPERTS IMPORTS**

Langkah 3

Klik pada **INPUTS** dan kamu ikut setting berikut:

- ExtDepth = 12
- ExtDeviation = 5
- ExtBackstep = 3

Langkah 4

Klik pada **COLORS** dan kamu ikut setting berikut:

- 0 = Red

Langkah 5

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:


- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

9.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Indicator **Zigzag** ini sememangnya dapat membantu kamu di dalam membuat keputusan untuk memasuki position dan mengetahui keadaan pasaran sama ada telah **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**. Akan tetapi kamu tidak boleh dengan hanya mengharapkan penggunaan indicator ini semata-mata tanpa merujuk pada indicator yang lain. Jadikan indicator ini sebagai asas untuk menentukan aras pasaran terendah dan tertinggi sahaja. Jangan menggunakannya sebagai indicator penentu kemasukan position yang utama. Kamu perlu mengaplikasikan asas penggunaan teknik ini bersama-sama dengan indicator lain yang akan diterangkan di dalam bab seterusnya. Saya akan menerangkan bagaimana kaedah terbaik untuk menggunakan indicator ini seperti gambarajah di bawah:-



OPEN SELL POSITION



- Untuk membuka **SELL** position kamu perlu rujuk pada **price terakhir tertinggi** yang dijejaki oleh **Zigzag**.
- Pastikan garisan **Zigzag** telah terbentuk pada price tertinggi sebelum membuka **SELL** position.
- Berikan perhatian dengan melihat rupabentuk **candlestick bullish** yang terhasil pada **Zigzag** price tertinggi.
- Apabila berlaku **perubahan rupabentuk bullish candlestick** kepada **bearish candlestick** barulah kamu membuka **SELL** position dan pastikan **Zigzag** price tertinggi ini terhasil **lebih tinggi dari price Zigzag** sebelumnya atau sama. Sila rujuk gambarajah di sebelah.
- **Jangan sesekali memasuki SELL position di pertengahan trend.**
- Apabila kamu telah membuka **SELL** position kamu boleh **mengambil keuntungan apabila currency pair itu turun sehingga 50%** dari trend bullish sebelumnya.

OPEN BUY POSITION



- Untuk membuka **BUY** position kamu perlu rujuk pada **price terakhir terendah** yang dijejaki oleh **Zigzag**.
- Pastikan garisan **Zigzag** telah terbentuk pada price terendah sebelum membuka **BUY** position.
- Berikan perhatian dengan melihat rupabentuk **candlestick bearish** yang terhasil pada **Zigzag** price terendah.
- Apabila berlaku **perubahan rupabentuk bearish candlestick** kepada **bullish candlestick** barulah kamu membuka **BUY** position dan pastikan **Zigzag** price terendah ini terhasil **lebih rendah dari price Zigzag** sebelumnya atau sama. Sila rujuk gambarajah di sebelah.
- **Jangan sesekali memasuki BUY position di pertengahan trend.**
- Apabila kamu telah membuka **BUY** position, kamu boleh **mengambil keuntungan apabila currency pair itu naik sehingga 50%** dari trend bullish sebelumnya.

9.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL



Zigzag ini ada kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Untuk mengelakkan dari permasalahan saya syorkan kamu tidak menggunakan indicator **Zigzag** ini bersendirian. Kamu boleh menambah dengan penggunaan indicator-indicator lain yang diterangkan di dalam e-book ini bagi menambah baik dan keberkesanan urusan kamu. Sekiranya kamu tidak mahir dan memahami keadaan indicator ini boleh menyebabkan kamu boleh melakukan kesilapan seperti mana saya nyatakan pada gambarajah di atas. Setiap trend ada ketikanya kita akan dapat dilihat seperti akan berlaku perubahan trend yang besar dengan perubahan candlesticknya akan tetapi berlaku **SIDEWAY** seperti gambarajah di atas. Inilah yang menjadi kerunsingan dan kesilapan kepada pelabur sekiranya menggunakan indicator ini sahaja tanpa menilai indicator lain kerana kejituan dan kepekaanya boleh disalah tafsirkan. Oleh yang demikian, saya syorkan kamu menggunakan indicator lain **digabungkan** dengan indicator ini seperti **Stochastic, RSI14, RSI3 dan MACD**. Bagi mengelakkan sebarang permasalahan kamu dinasihati menggunakan **Zigza** ini pada **TIMEFRAME** yang lebih besar seperti H1, H4, D1, W1 dan MN. Di bawah ini saya senaraikan apakah kebaikan, keburukan dan kaedah terbaik untuk memaksimumkan penggunaan teknik ini:-

- Masuk position **SELL** setelah terbentuk garisan price **tertinggi** pada **Zigzag** dan pastikan berlaku perubahan trend pada candlestick **bullish** kepada **bearish** dan pastikan juga **price tertinggi** yang terhasil itu **melebihi atau menyamai price tertinggi** sebelumnya.
- Masuk position **BUY** setelah terbentuk garisan price **terendah** pada **Zigzag** dan pastikan berlaku perubahan trend pada candlestick **bearish** kepada **bullish** dan pastikan juga **price terendah** yang terhasil itu **melebihi atau menyamai price terendah** sebelumnya.

- **Mengambil profit** setelah kamu merasakan **SELL atau BUY** position kamu telah menjejaki **50% price terendah atau tertinggi sebelumnya**.
- Jangan sesekali memasuki position **SELL atau BUY** di pertengahan pasaran kerana pada peringkat ini ada kemungkinan berlaku perubahan trend secara mendadak.
- Jangan sesekali bergantung harap pada **Zigzag** semata-mata dengan tidak mengambil kira indicator lain.
- Pastikan kamu merujuk pada semua **TIMEFRAME** bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa memasuki trend. Mulakan dari **TIMEFRAME** besar dan ke bawah. Contohnya **MN, W1, D1, H4, H1, M30, M15, M5 & M1**.
- **TIMEFRAME** terbaik boleh dijadikan sebagai rujukan adalah pada **W1, D1, H4 dan H1**
- Akhir sekali yakin dengan keputusan position yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada indicator yang kamu gunakan.

BAB 10 MOVING AVERAGE CONVERGENCE DIVERGENCE (MACD)

Adalah tidak lengkap sekiranya **Moving Average Convergence Divergence (MACD)** ini tidak digunakan. Secara keseluruhannya boleh dikatakan keseluruhan pelabur forex pasti menggunakan indicator unik ini. Sebab utama indicator ini digunakan adalah kerana ketepatan dan kejituannya apabila diaplikasikan dengan indicator-indicator yang lain. Indicator ini amat mudah digunakan kerana hanya perlu memahami persilangan-persilangan pada titik tertinggi dan terendah pada indicator ini seperti yang ditunjukkan di dalam gambarajah di bawah. Dengan menggunakan teknik ini kamu boleh mengenalpasti keadaan trend sama ada **OVERBOUGHT** atau **OVERSOLD**. **MACD** juga boleh digunakan untuk menentukan arah tuju trend dan kekuatan trend yang akan dihasilkan dengan hanya melihat bukaan pada **MACD**. Di dalam e-book ini saya tidak akan menerangkan secara detail bagaimana **MACD** ini terhasil secara matematiknyanya dan sejarah terhasilnya indicator ini. Oleh yang demikian, sekiranya kamu ingin mengetahui perkara ini kamu boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan melayari internet. Di dalam forum juga ada menerangkan penggunaan teknik ini bagi tujuan pembelajaran kamu. Kamu boleh klik pada link ini (<http://debtfreeforex.com/forum/index.php?board=109.0>) untuk membaca dan memahami asas penggunaan teknik ini. Gambarajah di bawah menunjukkan rupa bentuk carta apabila diaplikasikan dengan penggunaan indicator **MACD**.



10.1 SETTING

Langkah 1

Sila download aplikasi indikator **BEST MACD** melalui link berikut (<http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=48.msg174#msg174>) dan sila ikut arahan yang terkandung di dalam link berkenaan.

Langkah 2

Klik pada **INSERT** kemudian **INDICATOR** kemudian **CUSTOM** kemudian **BEST MACD** dan akan keluar box pada skrin kamu.

Langkah 3

Klik pada **COMMON** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALLOW EXTERNAL EXPERTS IMPORTS**

Langkah 4

Klik pada **INPUTS** dan kamu ikut setting berikut:

- FastEMA = 12
- SlowEMA = 26
- SignalSMA = 9

Langkah 5

Klik pada **COLORS** dan kamu ikut setting berikut:

- 0 = Silver
- 1 = Red
- 2 = Silver

Langkah 6

Klik pada **LEVELS** dan kamu perlu klik butang **ADD** ikut setting berikut:

- Level = 0
- Style = Silver

Langkah 7

Klik pada **VISUALIZATION** dan kamu ikut setting berikut:

- Klik pada box **ALL TIMEFRAMES** dan **SHOW IN DATA WINDOW**

10.2 KAEDAH PENGGUNAAN

Keunikan indicator ini amat jelas sekali kerana kamu boleh menggunakannya secara bersendirian tanpa menambah dengan penggunaan indicator-indicator lain dengan syarat setting pada indicator ini kenalah betul pada tempatnya. Sekiranya tidak maka buruk padah yang akan kamu terima. Secara asasnya, indicator ini ada putarannya tersendiri seperti pembentukan ombak. Ada masanya di atas dan ada masanya di bawah. Apabila alunan indicator ini bergerak dari kedudukan tertinggi (atas) sampai kepada kedudukan terendah (bawah) maka ianya telah membentuk satu kitaran putaran lengkap (complete cycle). Apabila telah lengkap kitaran maka akan berlaku perubahan trend secara besar-besaran. Sila rujuk gambarajah di bawah untuk membolehkan kamu melihat dengan jelas penerangan ini. Sekiranya kamu mengaplikasikan indicator ini bersama-sama dengan indicator yang lain seperti RSI14, RSI3, Stochastic, Zigzag, WMA dan Parabolic SAR maka kamu akan memperolehi ketepatan dan kejituan pada setting indicator kamu. Oleh itu kamu boleh memperolehi keuntungan yang tinggi dan kamu boleh menjangkakan arah tujuan dan titik penamat pada trend. Saya akan menerangkan bagaimana kaedah terbaik untuk menggunakan indicator ini seperti gambarajah di bawah:-



OPEN SELL POSITION

- Untuk membuka **SELL** position kamu perlu rujuk pada **price terakhir tertinggi** yang dihasilkan apabila **MACD** ini menjejaki nilai tertinggi seperti **POINT 1**.
- Pastikan kamu masuk **SELL** position apabila **MACD** nilai tertinggi ini bersilang seperti ditunjukkan pada **POINT 1**.
- Kamu juga boleh memasuki **SELL** position dengan melihat keadaan candlestick apabila **MACD** ini menjejaki nilai tertinggi.

- Apabila berlaku **perubahan rupabentuk bullish candlestick kepada bearish candlestick** barulah kamu membuka **SELL** position setelah **MACD** mencapai nilai tertinggi dan apabila **MACD** ini bersilang maka trend bearish akan mendominasi keseluruhan trend.
- **Jangan sesekali memasuki SELL position di pertengahan trend.**
- Sila rujuk pada **TIMEFRAME H4** bagi tujuan penggunaan kaedah ini kerana ketepatan ada pada **TIMEFRAME** ini.
- Kamu boleh mengambil keuntungan atau profit pada **TIMEFRAME H1** setelah **MACD bersilang pada nilai yang lebih rendah.**
- Sekiranya **MACD** pada H1 tidak bersilang maka kamu boleh **HOLD SELL** position sehingga **MACD** pada H1 bersilang.
- Kamu juga boleh **HOLD** position kamu untuk ambil keuntungan sehingga **MACD pada H4 bersilang akan tetapi dikhuatiri akan berlaku perubahan dipertengahan trend.**

OPEN BUY POSITION

- Untuk membuka **BUY** position kamu perlu rujuk pada **price terakhir terendah** yang dihasilkan apabila **MACD** ini menjejaki nilai terendah seperti **POINT 2.**
- Pastikan kamu masuk **BUY** position apabila **MACD nilai terendah ini bersilang** seperti ditunjukkan pada **POINT 2.**
- Kamu juga boleh memasuki **BUY** position dengan melihat keadaan candlestick apabila **MACD** ini menjejaki nilai terendah.
- Apabila berlaku **perubahan rupabentuk bearish candlestick kepada bullish candlestick** barulah kamu membuka **BUY** position setelah **MACD** mencapai nilai terendah dan apabila **MACD** ini bersilang maka trend bullish akan mendominasi keseluruhan trend.
- **Jangan sesekali memasuki BUY position di pertengahan trend.**
- Sila rujuk pada **TIMEFRAME H4** bagi tujuan penggunaan kaedah ini kerana ketepatan ada pada **TIMEFRAME** ini.

- Kamu boleh mengambil keuntungan atau profit pada **TIMEFRAME H1** setelah **MACD bersilang pada nilai yang lebih tinggi.**
- Sekiranya **MACD** pada H1 tidak bersilang maka kamu boleh **HOLD BUY** position sehingga **MACD** pada H1 bersilang.
- Kamu juga boleh **HOLD** position kamu untuk ambil keuntungan sehingga **MACD** pada **H4 bersilang** akan tetapi **dikhawatiri akan berlaku perubahan dipertengahan trend.**

Melalui kaedah ini, kamu boleh aplikasikan pada **TIMEFRAME** berikut untuk membuka dan menutup position pada currency pair yang kamu masuk:-

- OPEN POSITION - Rujuk pada TIMEFRAME H4**
- CLOSE POSITION - Rujuk pada TIMEFRAME H1**

10.3 PERHATIAN YANG PERLU DIAMBIL



MACD ini juga ada kebaikan dan keburukannya yang perlu kamu ketahui. Untuk mengelakkan dari berlaku permasalahan kamu boleh gabungkan aplikasi indicator ini bersama-sama dengan indicator lain seperti yang diterangkan di atas dan setiap bab di dalam e-book ini. Adakalanya para pelabur akan melakukan kesilapan ketika berlakunya **SIDWAY** pada currency pair kerana tidak tahu ke manakah hala tuju seterusnya akan dibawa oleh currency pair itu. Oleh yang demikian sekiranya perkara ini terjadi, kamu perlu yakin pada indicator **MACD** kamu supaya kamu tidak terperangkap. Seperti yang saya jelaskan tadi, kamu boleh **open position dengan merujuk H4** dan **menutup position dengan merujuk H1**. Sekiranya kamu telah lama dan mahir menggunakan

MACD ini sudah pasti kamu akan nampak dengan jelas penerangan ini. Kenapa? Apabila berlaku **SIDEWAY** pada **H4** (seperti gambarajah di atas) setelah kamu membuka **position**, cepat-cepat kamu rujuk pada **H1** kerana saya pasti pada **H1** **MACD** telah jejak **nilai tertinggi atau terendah**. Oleh yang demikian, kamu telah menyelamatkan **position** kamu kerana bertindak dengan cepat dengan menutup setelah **MACD** ini bersilang pada **nilai terendah atau tertinggi**. **Perkara pokok yang perlu kamu berikan perhatian awalan adalah pada H4**. Segala-galanya bermula di situ. Di bawah ini saya senaraikan apakah kebaikan, keburukan dan kaedah terbaik untuk memaksimumkan penggunaan teknik ini:-

- Masuk **position SELL** setelah **MACD** menjejaki **nilai tertinggi**. **Pastikan MACD bersilang pada nilai tertinggi**.
- Masuk **position BUY** setelah **MACD** menjejaki **nilai terendah**. **Pastikan MACD bersilang pada nilai terendah**.
- Rujuk **TIMEFRAME H4** untuk masuk **position**.
- Rujuk **TIMEFRAME H1** untuk **closed position**.
- Elakkan dari memasuki **SELL atau BUY position dipertengahan trend** kerana dikhuatiri berlaku perubahan trend mendadak diluar jangkaan.
- Akhir sekali yakin dengan keputusan **position** yang telah kamu masuki dengan mententeramkan diri kamu dari berlaku pergolakan di dalam jiwa. Ikut dan yakin pada **indicator** yang kamu gunakan.
- Untuk maklumat tambahan berkenaan **MACD** kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=109.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 11

KOMBINASI PENGGUNAAN SISTEM

Di dalam bab ini saya tidak akan menerangkan secara terperinci bagaimana kombinasi penggunaan system yang saya ingin perkenalkan kepada kamu semua ini dapat membantu dan memberikan manfaat kepada kamu untuk memperoleh keuntungan yang yang besar walaupun kamu dikira sebagai seorang **JUNIOR TRADERS** dan baru berjinak-jinak di dalam arena urusan forex. Saya hanya akan menerangkan secara terperinci teknik ini di dalam forum www.debtfreeforex.com/forum kerana dikhuatiri sekiranya saya menerangkan secara terperinci maka ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan menyalahgunakan e-book ini untuk tujuan dan kepentingan peribadi tanpa memikirkan hak saya sebagai seorang penulis bagi system yang saya ingin perkenalkan ini. Oleh yang demikian, bagi menjaga hak saya dan pelajar-pelajar yang sah maka saya perlu mengambil langkah ini untuk kepentingan bersama.

Hanya mereka yang membeli dari Team DebtFreedomFx.com melalui web www.debtfreedomfx.com sahaja akan memperoleh keistimewaan untuk membaca, meneliti, memahami dan mengetahui bagaimana teknik ini digunakan dan sekali gus dapat memberikan manfaat kepada mereka sebagai pengguna kepada teknik ini. Saya amat yakin ada pihak-pihak tertentu akan cuba menyalahgunakan e-book ini untuk tujuan seperti yang dinyatakan di atas. Oleh itu, kepada kamu yang telah membeli e-book ini saya ucapkan syabas dan jutaan terima kasih. Untuk membaca, meneliti, memahami dan mengetahui teknik ini kamu boleh klik pada link berikut (<http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=29.0>) untuk memasuki forum setelah kamu LOGIN.

**KEPADA PELAJAR BERDAFTAR SILA KLIK LINK DI ATAS UNTUK
MENERUSKAN PEMBELAJARAN KAMU.**

BAB 12 PENGURUSAN RISIKO

Urusniga Forex adakalanya boleh membuat seseorang itu memperolehi keuntungan yang besar dalam sekelip mata sahaja dan adakalanya boleh menyebabkan seseorang itu mengalami kerugian beribu-ribu Dollar dalam beberapa saat sahaja malah ada juga mengalami kerugian jutaan Dolar. Tidak mustahil untuk memperolehi keuntungan jutaan Dollar dalam tempoh yang singkat juga. Yang penting adalah bagaimana kamu perlu menguruskan risiko di dalam urusanniga Forex ini kerana tiada seorang dalam dunia pun dapat memberikan jawapan yang tepat dan sah untuk urusanniga forex ini untuk jangkaan pada masa depan.

Oleh yang demikian jangan sesekali menjebakkan diri kamu di dalam dunia forex ini tanpa ilmu pengetahuan dan hanya menyerahkan kepada nasib dan mempertaruhkan nilai pasaran seperti berjudi. Ini kerana kamu boleh mengalami kerugian yang amat besar sekiranya mengurusniga tanpa ilmu.

Bagaimana kamu hendak menguruskan hal berkaitan penilai risiko supaya kamu tidak mengalami kerugian. Saya akan memberikan beberapa tips yang asas untuk kamu gunakan sebagai pengurusniga risiko di dalam urusanniga forex atau saham kerana teknik pengurusniga ini adalah sama di mana-mana platform yang menguruskan kewangan.

12.1 Memasang Stop Loss

Pastikan kamu meletakkan stop loss pada setiap position yang telah kamu buka pada nilai yang kamu rasakan boleh kamu terima sekiranya berlaku perubahan trend di luar jangkaan. Saya nasihatkan sekiranya kamu telah mengikuti semua kaedah yang telah saya tunjukkan di dalam ebook ini dan semua syarat telah dipatuhi seperti di dalam BAB 10. Maka saya syorkan kepada kamu untuk letakkan stop loss sekurang-kurangnya 50 – 100 point mengikut kesanggupan kamu untuk rugi.

Sekiranya kamu telah memperolehi keuntungan sebagai contohnya katakan kamu telah masuk position SELL EUR/USD pada price 1.2100 dan trend menurun sehingga 1.2050. Maka kamu telah memperolehi keuntungan sebanyak 50 pips. Untuk mengelakkan sebarang kerugian sekiranya berlaku reversal trend maka kamu boleh letakkan stop loss pada nilai yang boleh membawa sebarang keuntungan kepada kamu. Sebagai contohnya kamu letakkan stop loss pada nilai 10 pip keuntungan. Oleh yang demikian setkan pada system kamu untuk stop loss pada price 1.2090. Sekiranya pasaran naik ke tahap 1.2090 maka kamu tidak akan mengalami apa-apa kerugian disebabkan oleh perubahan trend yang mendadak ini. Kamu masih lagi dikira memperolehi keuntungan 10 pip walaupun pada dasarnya kamu telah untung 50 pips.

12.2 Memasang Exit Target

Memasang Exit Target juga penting bagi membolehkan kamu memperoleh keuntungan yang kamu rasakan perlu kerana dengan memasang exit target kamu tidak perlu sentiasa berada di hadapan computer kamu untuk melihat dan nilai aktiviti pasaran. Teknik ini juga popular di kalangan pelabur dan ada di antara mereka menamakannya sebagai Hit And Run Target.

Setelah kamu memasuki sesuatu position pasaran kamu harus ada jangkaan dan nilai keuntungan munasabah yang boleh kamu fikirkan dan ingin kamu ambil. Jangan sesekali kamu mengambil risiko untuk meletakkan sasaran keuntungan yang tidak munasabah dan diluar jangkauan pasaran. Pastikan nilai ambilan keuntungan adalah logik dan boleh dijangkau oleh pasaran.

Sebagai contoh kamu telah memasuki position BUY EUR/USD pada price 1.2000 dan trend pasaran adalah naik mengikut semua system seperti diterangkan pada BAB 10. Maka cara yang bijak adalah kamu setkan exit target kamu pada Timeframe M30 atau H1. Kamu jangkakan pada stoch kamu dengan membuat sedikit analisa pada price yang mana EUR/USD akan berhenti. Pada nilai price itulah perlu kamu letakkan exit target yang munasabah. Kamu perlu ambil profit pada price yang telah kamu sasarkan.

Sekiranya pasaran naik dengan lebih rancak dari exit target kamu, maka kamu boleh mengubah exit target kamu pada nilai yang kamu jangkakan akan naik maksimum. Kamu perlu juga ubah stop loss kamu pada price exit target awalan yang telah kamu letakkan tadi bagi mengelakkan sebarang kemungkinan dan kamu tidak akan berasa hampa sekiranya pasaran jatuh kembali kerana kamu telah ada asas exit target kamu yang awal dan kamu telah memperoleh keuntungan tetap pada exit target kamu yang awal kerana kamu telah letakkan stop loss pada nilai exit target maka kamu masih berjaya mengekalkan keuntungan pada nilai awalan kamu kehendaki. Sekiranya market terus naik kamu kekalkan dengan stop loss pada price itu sahaja dan kamu ulangi step ini sehinggalah kamu rasakan market tidak lagi boleh naik. Pada price itu kamu patutnya ambil keuntungan.

Tetapi saya syorkan kepada kamu supaya ambil profit tidak kira apa keadaan pasaran sekiranya ia menghampiri nilai exit target kamu. Ini adalah kerana kamu boleh memberikan tumpuan pada pasaran matawang yang lain. Ada eloknya kamu tidak mengubah kedudukan sasaran sekiranya berlaku kenaikan lebih tinggi dari jangkaan.

12.3 Emosi

Ini adalah factor terpenting di dalam urusanniaga forex atau pun saham. Kenapa? Apabila kamu dikawal oleh emosi yang negative maka secara tidak langsung kamu akan melakukan banyak kesilapan semasa trading kerana gangguan emosi ini akan mengarahkan kamu untuk memasuki sesuatu pasaran pada nilai yang tidak munasabah. Apa yang perlu kamu lakukan untuk mengelakkan perkara ini berlaku?

1. Kamu perlu tenangkan fikiran ketika memasuki pasaran.
2. Pastikan emosi kamu tenang dan waras.
3. Jangan sesekali memasuki pasaran sekiranya emosi atau mood kamu terganggu.
4. Elakkan dari memasuki pasaran berlawanan arah major trend kerana desakan emosi.
5. Yakin dengan position yang telah kamu buka dan kekalkan kepercayaan kamu pada position itu.
6. Jangan sesekali cuba cover kerugian kamu pada waktu itu juga ini boleh menyebabkan emosi kamu lebih sukar di kawal.
7. Elakkan dari memasuki pasaran sekiranya kamu telah mengalami kerugian berulang kali. Gunakan masa kerugian ini untuk kamu mengkaji kesilapan yang telah kamu lakukan.
8. Jangan sesekali menyesal sekiranya position kamu terkena stop loss.
9. Banyakkan berdoa pada Tuhan kerana sesungguhnya kejayaan seseorang itu ada kaitannya dengan amalan keagamaan seseorang itu. Sedikit sebanyak emosi kamu sentiasa tip top kerana ada pegangan dan kepercayaan pada ketentuan Yang Maha Agung.
10. Banyakkan bersabar apabila kamu telah memasuki pasaran kerana ada masanya pasaran akan bergerak terlampau lembap sehinggakan kamu boleh hilang pertimbangan dan kesabaran.

12.4 Nafsu

Nafsu? Apa kaitan nafsu dalam arena forex dan saham. Inilah penyebab kenapa orang yang telah memperolehi keuntungan yang besar tiba-tiba mengalami kerugian. Kenapa? Kerana mereka ini telah dikawal oleh desakan nafsu yang tidak rasional. Meletakkan harapan yang terlalu tinggi untuk dijangkau. Walhal keuntungan besar telah diperolehi akan tetapi sifat nafsu yang tidak bersyukur mendorong mereka ini untuk memperolehi keuntungan yang lebih besar. Perkara ini perlu kamu kawal.

Inilah factor seringkali dialami oleh setiap trader tidak kira forex atau pun saham. Masing mengkehendaki memperolehi keuntungan yang besar. Sifat ini boleh disamakan seperti **ketamakan berurusniaga**. Janjikan kisah '**Anjing dan bayang-bayang**' sebagai pedoman kamu. Jangan sesekali jadikan diri kamu seperti kisah yang disebutkan. Sifat yang boleh dikaitan dengan nafsu adalah seperti di bawah dan kamu perlu elakkannya:-

1. Ketamakan.
2. Tidak bersyukur dengan keuntungan yang telah diperolehi.
3. Meletakkan nilai lot yang terlampau besar semata-mata untuk memperolehi keuntungan yang besar.
4. Meletakkan harapan untuk untung 100% dalam tempoh tidak singkat.

12.5 Tekanan

Faktor tekanan juga boleh menjadi penyebab kamu rugi di dalam forex atau pun saham. Banyak penyebab yang didorong oleh factor tekanan yang perlu kamu elakkan seperti di bawah ini:-

1. Jangan campurkan urusan kerja di pejabat di bawa masuk ke dalam minda kamu semasa berurusniaga forex.
2. Tidak tidur dengan cukup. Kamu perlu tidur secukupnya untuk mengelakkan minda kamu tidak boleh berfikiran dengan rasional.
3. Meletakkan harapan yang tinggi sehingga menyebabkan diri kamu stress.
4. Berusaha untuk mengambil keuntungan secepat mungkin setelah mengalami kerugian yang besar.
5. Tidak beriadah atau bersukan kerana masa banyak diberikan pada forex.
6. Jangan ambil apa-apa ubatan yang boleh menyebabkan kamu mengantuk semasa berurusniaga sehinggakan kamu tidak dapat menumpukan pada pasaran. Elakkan dari memasuki pasaran sekiranya perkara ini terjadi pada kamu.
7. Faktor fikiran dan fizikal yang keletihan boleh menyebabkan kamu berada di dalam factor tekanan semasa berurusniaga elakkan perkara ini berlaku.
8. Tidak mengkaji pasaran terdahulu dan memasuki pasaran dengan tergesa-gesa.
9. Tidak yakin dengan keputusan sendiri dan meletakkan nasib sebagai penentu keuntungan kamu.
10. Bagi yang telah berkeluarga cuba elakkan dari berurusniaga ketika menghadapi masalah rumahtangga atau sebagainya. Pastikan anak-anak dan pasangan tidak mengganggu kamu semasa berurusniaga.

12.6 Faktor Luaran

Adakalanya seseorang pelabur di dalam dunia forex dan saham suka mengabaikan faktor luaran ini semasa mereka mengurusniaga. Antara faktor luaran yang boleh menjejaskan tumpuan kamu semasa mengurusniaga adalah seperti disenaraikan di bawah ini dan kamu sepatutnya mengelakkan ianya dari terjadi:-

1. Berinteraksi melalui internet seperti YM atau MIRC. Ini sedikit sebanyak menjadi penyumbang utama kerana kamu tidak menumpukan perhatian 100% ketika kamu hendak memasuki position yang telah kamu jangkakan.
2. Tidak menjaga kesihatan (demam, selesema, sakit perut dan sebagainya). Ini salah satu di antara penyebab ramai gagal di dalam forex kerana tidak menjaga kesihatan kerana apabila kamu tidak sihat tumpuan kamu akan terjejas dan kamu tidak dapat menumpukan pada pasaran kamu. Oleh itu kamu perlu elak dari memasuki pasaran pada waktu sebegini.

12.7 Melabur Mengikut Kemampuan

Apabila kita membincangkan factor di atas, setiap orang mempunyai keinginan untuk memperolehi kekayaan dalam masa yang singkat dengan modal yang sedikit. Selalunya sikap ini ada pada semua orang tidak kira status, bangsa dan kenegaraan seseorang itu. Selalunya orang akan mengambil jalan mudah untuk memperolehi kekayaan dengan sekelip mata. Perlu diingat forex boleh menjamin kekayaan yang cepat dan tidak kurang juga membuatkan kamu mengalami kerugian dengan cepat. Kenapa?

Begini saya berikan beberapa contoh. Seseorang pelabur memulakan pelaburan dengan modal 100usd bercita-cita menjadi jutawan dalam tempoh setahun. Secara logik akal saya hendak bawa kamu berfikir. Boleh atau tidak dengan modal 100usd kamu memperolehi keuntungan berjuta ringgit dalam masa singkat kurang dari setahun. Sudah tentu jawapannya tidak. Dalam dunia forex jangan sesekali jadikan modal kamu itu seperti pertaruhan judi. Jangan memperjudikan wang kamu.

Bagaimana cara terbaik untuk memulakan forex dengan meminimakan risiko kerugian itu tajuk pokok yang kamu perlu fikirkan. Secara amnya, seseorang pelabur yang professional tidak akan melabur lebih dari 30% modal yang ada di dalam simpanannya. Mereka akan merancang untuk jangkaan ketidakpastian yang akan berlaku pada masa akan datang. Konsep dan sikap sebegini perlu ada dan ditanam dalam setiap pelabur forex atau pun saham. Saya tunjukkan contoh pengiraan risiko di bawah bagi memudahkan kamu untuk menilai pelabur mana lebih bijak.

Kes 1

Modal = 100usd
 Melabur = 50% dari modal = 50% x 100usd = 50usd

Andaikan kes 1 ini melabur pada matawang EUR/USD pada bukaan harga SELL 1.2050 dan berlaku kenaikan secara luar biasa sehingga price 1.2150 dan pelabur kes 1 ini meletakkan STOP LOSS pada price 1.2150. Berapakah kerugian dialami oleh pelabur kes 1.

Jumlah kerugian = $\frac{(1.2050 - 1.2150) \times 50\text{usd} \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}}$
 = $\frac{-100 \times 5,000}{10,000}$
 = -50usd kerugian

Modal yang tinggal = 100usd – 50usd
 = 50usd (kerugian 50% dari modal)

➤ Kes 2

Modal = 100usd
 Melabur = 10% dari modal = 10% x 100usd = 10usd

Andaikan kes 2 ini melabur pada matawang EUR/USD pada bukaan harga SELL 1.2050 dan berlaku kenaikan secara luar biasa sehingga price 1.2150 dan pelabur kes 1 ini meletakkan STOP LOSS pada price 1.2150. Berapakah kerugian dialami oleh pelabur kes 1.

Jumlah kerugian = $\frac{(1.2050 - 1.2150) \times 10\text{usd} \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}}$
 = $\frac{-100 \times 1,000}{10,000}$
 = -10usd kerugian

Modal yang tinggal = 100usd – 10usd
 = 90usd (kerugian 10% dari modal)

Dari pengiraan di atas, saya rasakan kamu sendiri boleh menilai kes mana yang dapat membantu kamu meminimalkan kerugian dan sekaligus dapat membantu kamu dari melakukan kesilapan di dalam pelaburan sekiranya berlaku perubahan trend diluar jangkaan.

Untuk memperoleh keuntungan yang besar kamu perlu ada modal yang besar untuk memperoleh keuntungan yang kamu kehendaki. Saya berikan contoh berikutnya pada kamu:

➤ **Kes 3**

Modal = 100usd
 Melabur = 10% dari modal = 10% x 100usd = 10usd

Andaikan kes 3 ini melabur pada matawang EUR/USD pada bukaan harga SELL 1.2100 dan memperoleh keuntungan sebanyak 100 pips (tutup position pada price 1.2000).

Jumlah keuntungan = $\frac{(1.2100 - 1.2000) \times 10usd \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}}$
 = $\frac{100 \times 1,000}{10,000}$
 = 10usd untung

Modal bertambah = 100usd + 10usd
 = 110usd (keuntungan 110% dari modal)

Kes 4

Modal = 10,000usd
 Melabur = 10% dari modal = 10% x 10,000usd = 1,000usd

Andaikan kes 4 ini melabur pada matawang EUR/USD pada bukaan harga SELL 1.2100 dan memperoleh keuntungan sebanyak 100 pips (tutup position pada price 1.2000).

Jumlah keuntungan = $\frac{(1.2100 - 1.2000) \times 1,000usd \times 100 \text{ leverage}}{10,000 \text{ (contract size)}}$
 = $\frac{100 \times 100,000}{10,000}$
 = 1000usd untung

Modal bertambah = 10,000usd + 1,000usd
 = 11,000usd (keuntungan 110% dari modal)

Secara dasarnya kedua-dua memperoleh keuntungan sebanyak 10% dari modal. Akan tetapi kerana pelabur kes ke 4 ini mempunyai modal yang besar, oleh yang demikian pelabur ini memperoleh laba yang lebih tinggi dari pelabur kes 3. Oleh itu, secara tidak langsung factor modal juga memainkan peranan penting untuk kamu berjaya di dalam forex. Lebih besar modal kamu lebih mudah kamu mengawal peratusan keuntungan pelaburan kamu.

Untuk maklumat tambahan berkenaan Pengurusan Risiko kamu boleh rujuk pada link ini <http://debtfreeforex.com/forum/index.php?topic=30.0> untuk tujuan penambahan maklumat terkini.

BAB 13 AKHIR KATA

Dengan ini maka lengkaplah sudah penerangan saya berkenaan teknik yang saya ingin sampaikan ini kepada pembeli dan pembaca budiman yang ingin menjadikan carrier forex ini sebagai salah satu kerjaya tambahan untuk menjana pendapatan tambahan. Saya menasihati kamu semua supaya terus membaca dan mencari ilmu forex ini kerana ilmu forex ini tidak akan habis kerana forex bukanlah sesuatu yang mudah dan perlu ada pengorbanan dari pelbagai aspek. Saya yakin tanpa usaha dan dorongan yang tinggi dari individu itu sendiri maka mereka ini tidak akan maju dan sentiasa berada di belakang pada takuk serta tahap yang sama sahaja.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kerana membeli dan mendapatkan e-book original dari Team DebtFreedomFx.com yang sah. Saya sentiasa mendoakan kejayaan semua pelajar-pelajar yang menggunakan teknik ini untuk tujuan urusanniaga forex. Semoga kamu semua memperolehi keuntungan seperti mana kamu kehendaki. Jangan berputus asa untuk berjaya. Berusahalah untuk kejayaan kamu semua.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan maaf sekiranya ada kekurangan, kesilapan dan kecacatan maklumat di dalam penerangan e-book ini. Saya sedia menerima komen dan kritikan dari kamu semua untuk menambahbaik teknik versi 1.1 ini. Sekiranya kamu mempunyai apa-apa maklumat terkini atau memperolehi e-book yang ingin dikongsi bersama untuk dimuatkan di dalam forum www.debtfreeforex.com/forum kamu boleh emailkan kepada Team DebtFreedomFx.com di alamat kelas_forex@yahoo.com

Sekian terima kasih dan selamat maju jaya

DEBTFREEDOM
KUALA LUMPUR
MALAYSIA
22 August 2006

-TAMAT-